

**INDEKS PERLAKUAN BULI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI  
SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH DI MALAYSIA**

**(BULLY ACTION INDEX AMONG STUDENTS IN SECONDARY AND  
PRIMARY SCHOOL IN MALAYSIA)**

**AZIZI HJ. YAHAYA  
YUSOFBOON  
SHHRIN HASHIM  
MOHAMMAD SHARIF MUSTAFFA  
ZURHANA BIN MUHAMAD**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**2008**

**INDEKS PERLAKUAN BULI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI  
SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH DI MALAYSIA**

**(BULLY ACTION INDEX AMONG STUDENTS IN SECONDARY AND  
PRIMARY SCHOOL IN MALAYSIA)**

**AZIZI HJ. YAHAYA  
YUSOFBOON  
SHHRIN HASHIM  
MOHAMMAD SHARIF MUSTAFFA  
ZURHANA BIN MUHAMAD**

**RESEARCH VOTE NO: 78069**

**JABATAN ASAS PENDIDIKAN  
FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**2008**

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada ALLAH s.w.t dan selawat ke atas junjungan kita Muhamad s.a.w. Saya berasa bersyukur ke hadrat ALLAH s.w.t. kerana memberi kekuatan dan kesabaran untuk menyiapkan laporan kajian. Walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan cabaran.

Kajian ini tidak akan terhasil tanpa bantuan, sokongan dan galakan dari beberapa pihak. Dengan kesempatan ini suka saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MOHE kerana memberi peruntukan sebanyak RM34,760 untuk membuat kajian ini. Begitu juga dengan pihak dekan RMC yang berusaha untuk mendapatkan grant ini. Di samping itu tidak lupa kepada pihak Fakulti pendidikan memberi kerjasama dengan memberi keizinan memohon vot jangka pendek UTM.

Penghargaan ini juga dituju EPRD yang telah memberikan kerjasama dan kebenaran untuk saya menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada sdr pelajar kaunseling dan pelajar sarjana kerana membantu saya dalam melaksanakan kajian ini. Atas segalanya, semoga Allah s.w.t. sahaja yang akan memberikan ganjaran yang sewajarnya. Wassallam.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap perlakuan buli di sekolah menengah dan rendah di Malaysia berdasarkan pengiraan Indeks Perlakuan Buli Sekolah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapannya; punca perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah; dan ciri-ciri mangsa buli. Seramai 1395 orang pelajar sekolah menengah dan rendah di empat buah negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor telah dipilih berdasarkan pensampelan rawak kelompok atas kelompok. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik Indeks Perlakuan Buli Sekolah yang mempunyai nilai kebolehpercayaan  $\alpha=0.87$ . Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis tahap perlakuan buli, jenis tingkah laku buli dan pengiraan indeks perlakuan buli sekolah. Statistik inferensi iaitu analisis ujian-t digunakan untuk menganalisis perbezaan tingkah laku buli dan indeks tingkah laku buli antara peringkat persekolahan, lokasi sekolah dan jantina. Analisis korelasi pearson r pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara punca buli dan indeks perlakuan buli sekolah. Secara keseluruhannya tahap perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah di empat buah negeri berada pada tahap rendah dengan nilai Indeks Perlakuan Buli Sekolah ialah 38.81. Kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah dan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Indeks Perlakuan Buli sekolah menengah dan sekolah rendah, bandar dan luar bandar serta antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis korelasi pearson r, mendapati terdapat hubungan signifikan antara punca buli dan Indeks Perlakuan Buli Sekolah ( $p=0.005$ ,  $r=0.103$ ). Berdasarkan dapatan kajian, mencadangkan penggunaan Indeks Perlakuan Buli Sekolah sebagai satu kaedah mengukur tahap perlakuan buli di kalangan pelajar, dan keberkesanan program intervensi mencegah perlakuan buli.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the level of bullying among secondary and primary school's students in Malaysia based on School Bullying Index. This study also try to identify the type of bullying and its frequency, factor of bullying and characteristic of victims. 1395 secondary and primary school students in the state of Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor have been chosen as the respondents. The sampling has been done using the cluster on cluster random sampling method. A set of School Bullying Index questionnaires was used in this study. Reliability value of the instruments was  $\alpha = 0.87$ . Descriptive statistic – frequency, percentages, mean and standard deviation is used to analyze the level and type of bullying and School Bullying Index. The inferencial statistic- t-test is used to analyze the difference of bullying behaviour and Bullying Index between school level, school location and gender. Pearson correlation are used to analyze the relation between the factor of bullying and school bullying index. Results showed, overall level of bullying among school students in four states are low. School bullying index is 38.81. There is no significance difference on bullying behaviour between secondary and primary school and male and female students. There is no significance difference on Bullying Index between secondary and primary school; urban and rural school; and male and female students. Pearson correlation analyze showed that there were significance relation between factor of bullying and bullying index ( $p=0.005$ ,  $r=0.103$ ). Based on research finding, suggestion was made to use School Bullying Index as a method to measure level of bullying among students and how successful your intervention programmes against bullying.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang masalah	2
	1.2 Penyataan masalah	6
	1.3 Objektif kajian	7
	1.4 Persoalan kajian	8
	1.5 Hipotesis kajian	9
	1.6 Rasional kajian	12
	1.7 Kepentingan kajian	13
	1.8 Skop kajian	14
	1.9 Batasan kajian	14

1.10	Definisi istilah	16
1.10.1	Tingkah laku buli	16
1.10.2	Jenis tingkah laku buli	16
1.10.3	Punca kejadian buli	17
1.10.4	Mangsa buli	17
1.10.5	Ciri-ciri mangsa buli	18
1.10.6	Indeks perlakuan buli sekolah	18
1.10.7	Tahap tingkah laku buli sekolah	18
1.10.8	Zon Tengah dan Zon Selatan	19
1.10.9	Kawasan bandar dan luar bandar	19
1.11	Kerangka teori kajian	20
1.12	Penutup	22
<b>BAB II</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
2.0	Pengenalan	23
2.1	Definisi tingkah laku buli	23
2.2	Jenis tingkah laku buli	26
2.3	Punca kejadian buli	29
2.4	Mangsa buli	31
2.5	Indeks perlakuan buli sekolah	34
2.6	Tahap perlakuan buli di sekolah	35
2.7	Masalah perlakuan buli di sekolah	36
2.8	Pendekatan Teori	37
2.8.1	Teori Pembelajaran Sosial	37
2.8.2	Hipotesis kekecewaan-agresif	39
2.8.3	Teori Psikoanalisis Freud dan tingkah laku buli	40
2.8.4	Model interaksi sosial dan tingkah laku buli	41
2.8.5	Rumusan Teori Pembelajaran Sosial	42

	2.8.6 Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian	43
2.9	Penutup	46
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>47</b>
3.0	Pengenalan	47
3.1	Reka bentuk kajian	47
3.2	Lokasi kajian	48
3.3	Subjek kajian	48
	3.3.1 Populasi	48
	3.3.2 Sampel kajian	49
3.4	Kaedah Pensampelan	51
3.5	Instrumen	52
	3.5.1 Soal selidik	53
	3.5.2 Kaedah terjemahan soal selidik	57
3.6	Kajian rintis	57
3.7	Prosedur Kajian	59
3.8	Pengiraan Indeks Perlakuan Buli Sekolah	60
3.9	Tahap perlakuan buli sekolah	62
3.10	Analisis data	63
3.11	Kerangka kajian	66
3.12	Penutup	67
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>68</b>
4.0	Pengenalan	68
4.1	Latar belakang responden kajian	68
	4.1.1 Negeri	68



4.1.2	Peringkat persekolahan	69
4.1.3	Jantina	70
4.1.4	Lokasi Sekolah	70
4.1.5	Kaum	71
4.1.6	umur	71
4.1.7	Tahap pnglibatan dalam aktiviti kokurikulum	72
4.2	Analisis Diskriptif	74
4.2.1	Jenis tingkah laku buli yang kerap Terjadi di kalangan pelajar sekolah	74
4.2.1(a)	Kekerapan tingkah laku buli fizikal	74
4.2.1(b)	Kekerapan tingkah laku buli verbal	76
4.2.1(c)	kekerapan tingkah laku buli antisosial	78
4.2.2	Punca-punca kejadian buli di sekolah Menengah dan sekolah rendah	80
4.2.2(a)	Faktor Individu	80
4.2.2(b)	Faktor sekolah	83
4.2.2(c)	Faktor keluarga	85
4.2.3	Ciri-ciri mangsa buli di sekolah Menengah dan sekolah rendah	87
4.2.3(a)	ciri fizikal	87
4.2.3(b)	ciri psikologi	89
4.3.	Indeks Perlakuan buli sekolah	91
4.4	Tahap perlakuan buli	92
4.5	Pengujian Hipotesis	93
4.5.1	Hipotesis 1	93
4.5.2	Hipotesis 2	95
4.5.3	Hipotesis 3	95
4.5.4	Hipotesis 4	95
4.5.5	Hipotesis 5	96

4.5.6	Hipotesis 6	97
4.5.7	Hipotesis 7	98
4.5.8	Hipotesis 8	98
4.5.9	Hipotesis 9	99
4.5.10	Hipotesis 10	100
4.5.11	Hipotesis 11	100
4.5.12	Hipotesis 12	100
4.5.13	Hipotesis 13	101
4.5.14	Hipotesis 14	102
4.5.15	Hipotesis 15	103
4.5.16	Hipotesis 16	104
4.6	Penutup	104
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>105</b>
5.1	Pengenalan	105
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	105
5.2.1	Latar Belakang Responden	105
5.2.2	Dapatan kajian jenis tingkah Laku buli yang kerap terjadi di kalangan Pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah	107
5.2.3	Dapatan kajian mengenai punca- punca tingkah Laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah	110
5.2.4	Dapatan kajian ciri-ciri mangsa buli	111
5.2.5	Dapatan kajian indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan Pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah	112
5.2.6	Dapatan kajian perbezaan tingkah	114

laku buli (fizikal, verbal antisosial dan keseluruhan),  
indeks perlakuan buli sekolah dan hubungan antara  
punca buli dengan indeks perlakuan buli sekolah

5.3	Rumusan	121
5.4	Cadangan	122
5.5	Cadangan kajian akan datang	125
5.6	Kesimpulan	126
	RUJUKAN	127
	LAMPIRAN	

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis-jenis perlakuan buli	27
2.2	Profil diri mangsa buli	33
3.3.1	Bilangan pelajar sekolah menengah dan rendah	49
3.3.2	Bilangan sampel kajian mengikut negeri dan daerah	50
3.5.1	Skala 3 mata	54
3.5.2	Skala likert	54
3.5.3	Skala likert	54
3.5.4	Pecahan item soal selidik perlakuan buli di sekolah	56
3.6	keputusan analisis nilai kebolehpercayaan cronbach alpha	59
3.8	Contoh pengiraan	62
3.9	Indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli	63
3.10	Interpretasi kekuatan hubungan	64
3.10.1	Jadual ringkasan pengujian statistik objektif kajian	64
3.10.2	Jadual ringkasan pengujian hipotesis kajian	65
4.1.1	Taburan bilangan responden mengikut negeri	69
4.1.2	Taburan bilangan responden mengikut peringkat persekolahan	69
4.1.3	Taburan bilangan responden mengikut jantina	70
4.1.4	Taburan bilangan responden mengikut kawasan sekolah	70
4.1.5	Taburan bilangan responden mengikut kaum	70
4.1.6	Taburan bilangan responden mengikut umur	72
4.1.7	Taburan bilangan responden mengikut tahap penglibatan Dalam aktiviti ko-kurikulum	73

4.2.1(a)	Taburan bilangan responden mengikut peratus, min dan Sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli fizikal	75
4.2.1(b)	Taburan bilangan responden mengikut peratus, min dan Sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli verbal	77
4.2.1(c)	Taburan bilangan responden mengikut peratus, min dan Sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli antisosial	79
4.2.2(a)	Taburan bilangan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan Sisihan piawai bagi punca kejadian buli (faktor individu)	82
4.2.2(b)	Taburan bilangan responden mengikut kekerapan peratus, min dan Sisihan piawai bagi punca kejadian buli (faktor sekolah)	84
4.2.2(c)	Taburan bilangan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan Sisihan piawai bagi punca kejadian buli (faktor keluarga)	86
4.2.3(a)	Taburan bilangan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan Sisihan piawai bagi ciri fizikal mangsa buli	88
4.2.3(b)	Taburan bilangan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan Sisihan piawai bagi ciri psikologi mangsa buli	90
4.3	Indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli Di kalangan pelajar sekolah	91
4.5.1	Analisis perbezaan tingkah laku buli mengikut peringkat Persekolahan	94
4.5.2	Analisis perbezaan tingkah laku buli mengikut lokasi Sekolah	97
4.5.3	Analisis perbezaan tingkah laku buli mengikut jantina	99
4.5.4	Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut peringkat Persekolahan	101

4.5.5	Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut lokasi Sekolah	102
4.5.6	Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut jantina	103
4.5.7	Hubungan punca buli dengan indeks perlakuan buli	104

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Kajian	20
2.1	Teori pembelajaran sosial tentang keagresifan	38
3.1	Pensampelan rawak kelompok atas kelompok	52
3.2	Kerangka Kajian	66

**SENARAI SINGKATAN**

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	-	Pegawai Pendidikan Daerah



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Soal selidik Kajian	
B	Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie & Morgan (1970)	
C	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia	
D	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri	
E	Pengesahan keesahan kandungan	
F	Pengesahan alih bahasa	

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN  
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKANTAJUK PROJEK : INDEK KELAKUAN LEPAK REMAJA DI SEKOLAH DI MALAYSIA

Saya

**PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA**(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.

4. \* Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK  
TERHAD


TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA  
Nama & Cop Ketua Penyelidik

**CATATAN :** \* Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Sekolah merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam negara. Di sinilah generasi pemimpin dan peneraju negara di masa hadapan, dididik dan dibentuk. Bukan begitu sahaja, institusi sekolah juga merupakan tempat pemupukan dan pembentukan jati diri dan patriotisme anak bangsa selain berfungsi sebagai tempat pendidikan akademik dan kemahiran.

Fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara merupakan satu tugas yang amat mencabar. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibubapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan.

Namun begitu laporan- laporan akhbar (Harian Metro, 25 Mac 2004; Berita Harian 25 Mac 2004) menunjukkan peningkatan jumlah jenayah juvana yang dilakukan oleh pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan, rogol, seks bebas dan buli, telah sedikit sebanyak menjejaskan peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan pendidikan generasi masa hadapan negara. Ini ditambah lagi dengan kejadian jenayah serta pelanggaran disiplin yang serius terjadi di dalam kawasan sekolah (Utusan Malaysia, 25 Mac 2004). Masalah ini perlu ditangani dengan segera dan sebaik mungkin kerana ia bukan sahaja menjatuhkan imej sekolah sebagai institusi pembentuk jati diri dan pendidikan anak bangsa. Tetapi akan juga memberi impak kepada survival dan kemajuan negara di masa hadapan.

Kebanyakan masalah jenayah di sekolah bermula dengan masalah buli. Keseriusan masalah buli di kalangan murid sekolah perlulah ditangani dengan segera. Jika tidak, ianya mungkin menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan.

Sesuatu usaha perlulah dilakukan bagi mengenal pasti tahap masalah tingkah laku buli di sekolah supaya satu program pencegahan dapat dijalankan dengan berkesan. Kajian bertujuan untuk mengetahui indeks perlakuan buli sekolah. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan rendah berdasarkan kepada pengiraan indeks perlakuan buli di kedua-dua peringkat persekolahan tersebut. Selain itu, kajian juga cuba mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah serta punca-punca kejadiannya.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Laporan akhbar mengenai kes-kes pelanggaran disiplin, keganasan dan buli yang berlaku di sekolah merupakan perkara biasa pada hari ini. Di sekolah-sekolah di Malaysia pula, masalah buli merupakan satu masalah disiplin yang utama pada ketika ini. Surat khabar perdana, Utusan Malaysia keluaran 30 Mac 2004 melaporkan di muka hadapan seorang pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama meninggal dunia akibat dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior. Berdasarkan rekod polis pula, terdapat lebih 35 kes pelajar sekolah mati atau cedera akibat dibelasah dilaporkan dalam tempoh lima tahun ini iaitu dari 1999 hingga 2003 (Utusan Malaysia, 29 Mac 2004). Kebanyakan kes-kes ini berpunca daripada perbuatan buli.

Menurut Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammudin Tun Hussein, masalah buli merupakan satu masalah yang sering berlaku di sekolah-sekolah menengah di Malaysia pada hari ini. Sepanjang tahun 2004 terdapat 1600 orang pelajar terlibat dalam gejala buli (Utusan Malaysia, 9 Julai 2005). Walaupun bilangan pelajar yang terlibat agak kecil iaitu 0.03 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar, gejala buli jika tidak ditangani dengan berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pelajar dan juga institusi sekolah. Kesedaran serta kefahaman yang mendalam tentang tingkah laku buli di sekolah

oleh guru dan mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan amat perlu dalam usaha mengawal serta mengatasi masalah ini.

Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan terdapat 3627 kes jenayah yang membabitkan pelajar sekolah pada tahun 2003. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes tersebut berumur di antara 7 hingga 18 tahun (Utusan Malaysia, 25 Mac 2004). Kebanyakan kes-kes jenayah tersebut bermula daripada tingkah laku buli. Pelajar yang bertingkah laku agresif buli cenderung untuk membentuk tingkah laku agresif ganas apabila dewasa kelak.

Dapatan kajian oleh Farrington (1993) menunjukkan wujud pertalian antara tingkah laku buli dan kenakalan semasa di sekolah dengan tingkah laku agresif dan ganas semasa dewasa.

Tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah bukan sahaja merupakan masalah di negara kita, tetapi ianya juga merupakan masalah di seluruh dunia (Rigby & Slee, 1991; Olweus, 1991, 1993a; Smith & Sharp, 1994). Banyak penyelidik seperti Beale dan Scott (2001); Yoon dan Kerber (2003), mendapati tingkah laku agresif dan buli merupakan satu fenomena tingkah laku yang berlaku secara berleluasan di sekolah pada hari ini.

Tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah telah diselidiki secara serius dan sistematik di negara-negara barat sejak tahun 1970 an lagi. Penyelidikan tentang tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di negara-negara Scandinavia telah dijalankan oleh Dan Olweus sejak akhir tahun 1970 an (Olweus, 1978). Penyelidikan tentang tingkah laku buli yang dimulai oleh Dan Olweus ini telah mendorong para penyelidik meningkatkan lagi kajian tentang tingkah laku buli di negara-negara barat dan juga di Australia. Laporan daripada penyelidikan-penyelidikan menunjukkan kejadian buli di kalangan pelajar sekolah di negara-negara barat semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini (Olweus, 1978, 1987, 1991, 1993a; Boulton dan Underwood, 1992; Rigby dan Slee 1991; Smith dan Sharp, 1994).

Tingkah laku buli merupakan satu fenomena yang kompleks (Collins, Gerry dan Gary, 2004). Tingkah laku buli boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira jantina. Penyelidik-penyelidik telah mengemukakan pelbagai definisi mengenai

tingkah laku buli. Secara umumnya, tingkah laku buli boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap seseorang yang lain, yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang kali. Tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau secara berkumpulan (Olweus, 1993b). Tingkah laku buli merupakan juga satu bentuk interaksi sosial di mana individu yang lebih dominan (pembuli) akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidakselesaan kepada individu yang kurang dominan atau lemah (mangsa buli). Menurut Rigby (1996) pula, tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa. Kata kunci yang penting dalam mendefinisikan tingkah laku buli ialah wujudnya ketidakimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa buli. Pembuli lebih berkuasa daripada mangsa buli. Tingkah laku buli berlaku secara berulang kali.

Tingkah laku buli atau perbuatan buli boleh terjadi dalam dua bentuk iaitu bentuk fizikal dan bentuk psikologi. Menurut Olweus (1993b) terdapat tiga jenis tingkah laku buli iaitu fizikal, verbal dan tingkah laku antisosial. Tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menarik rambut dan menendang. Tingkah laku buli verbal ialah seperti mengejek, menghina dan mengusik. Tingkah laku buli yang berkaitan dengan tingkah laku anti sosial ialah memulau, mengata, fitnah dan merosakkan harta benda. Tingkah laku buli fizikal dan verbal merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung. Tingkah laku buli dalam bentuk verbal juga merupakan tingkah laku buli berbentuk psikologi. Tingkah laku buli dalam bentuk antisosial juga boleh berlaku dalam bentuk fizikal seperti merosakkan harta benda atau dalam bentuk psikologi seperti pemulauan dan fitnah.

Tingkah laku agresif buli sama ada dalam bentuk fizikal atau verbal akan menghasilkan kesan yang tidak baik terhadap pelajar dan juga suasana persekolahan. Tingkah laku buli boleh menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan atau kesakitan ke atas individu terutamanya yang menjadi mangsa buli. Dapatan kajian oleh Rigby (1994) menunjukkan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah mempunyai hubungan dengan kesihatan mental dan fizikal. Menurut Olweus (1993a), tingkah laku buli akan menyebabkan mangsa buli rasa rendah diri, mempunyai penghargaan sendiri rendah,

kemurungan, depresi dan bunuh diri. Hasil kajian mengenai kes buli di kalangan murid-murid sekolah di negara-negara barat mendapati murid yang membuli apabila dewasa kelak kemungkinan besar akan menjadi penjenayah. Manakala mangsa buli pula cenderung untuk membunuh diri akibat tekanan yang dihadapi.

Kebanyakan pembuli mempunyai fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa. Para pengkaji juga mendapati pembuli mempunyai tahap psikososial yang rendah (Demaray dan Malecki, 2003). Pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa.

Perlakuan buli di kalangan pelajar lelaki lebih kerap berlaku berbanding pelajar perempuan (Olweus, 1993b). Dapatan kajian oleh sarjana barat menunjukkan bahawa satu daripada sepuluh pelajar sekolah adalah terlibat dalam tingkah laku buli sama ada sebagai pembuli atau mangsa buli (Glover et al., 2000).

Kajian tentang pelakuan buli di kalangan pelajar sekolah di Malaysia kurang dijalankan. Walaupun begitu, kajian yang dijalankan oleh Noran Fauziah Yaakub (2004) pada tahun 2002 dan 2004, mendapati masalah tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah juga wujud di Malaysia. Dapatan daripada kajian beliau juga menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan terlibat dengan tingkah laku buli psikologi seperti ejek, fitnah, pulau dan sisih, dan pelajar lelaki lebih banyak terlibat dengan tingkah laku buli fizikal seperti menolak, memukul dan menepeleng berbanding pelajar perempuan (Utusan Malaysia, 28 mac 2004).

Berdasarkan kepada statistik dan dapatan kajian di atas bolehlah disimpulkan bahawa tingkah laku buli merupakan satu masalah disiplin yang serius di sekolah-sekolah pada hari ini. Masalah tingkah laku buli ini jika tak dibendung akan membawa akibat yang buruk pada masa hadapan.

Kajian oleh Noran Fauziah (2004) menunjukkan kepada kita bahawa masalah tingkah laku buli juga berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah di negara Malaysia. Tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan kebajikan dan keselamatan pelajar. Masalah tingkah laku buli perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya ianya

tidak menjadi masalah yang boleh mendatangkan kesan kepada perkembangan akademik dan sahsiah pelajar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Perlakuan buli merupakan satu masalah disiplin di sekolah menengah dan juga di sekolah rendah di Malaysia pada hari ini. Kajian perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Batu Pahat oleh Abdul Latif (2005), mendapati bahawa kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Malaysia perlulah diselidiki bagi mengetahui keadaan sebenar kejadian buli di kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Bagaimana tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah diukur merupakan salah satu masalah dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku buli di sekolah (Arora, 1999). Satu kemungkinan untuk mengukur tahap perlakuan buli di sekolah ialah dengan menggunakan indeks perlakuan buli sekolah (Thompson et al., 2002).

Punca-punca kejadian buli di kalangan pelajar di kedua-dua peringkat persekolahan menengah dan rendah juga perlu dikenalpasti, begitu juga dengan jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud di kalangan pelajar di sekolah-sekolah di negara ini.

Justeru, kajian ini akan mengkaji tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Tahap perlakuan buli di sekolah didasarkan kepada pengiraan indeks perlakuan buli sekolah. Indeks perlakuan buli sekolah yang diperolehi menggunakan senarai semak kehidupan di sekolah memberikan data secara langsung berkaitan dengan kejadian buli dan jenis-jenis tingkah laku buli yang terjadi dikalangan pelajar sekolah berdasarkan kepada apa yang dilaporkan oleh pelajar itu sendiri (Arora, 1999). Kajian ini juga akan cuba mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah serta punca-punca kejadian buli.



### 1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah berdasarkan pengiraan Indeks Perlakuan Buli Sekolah.

Objektif khusus kajian ini adalah,

1. Untuk mengenal pasti jenis tingkah laku buli (fizikal, verbal dan antisosial) yang paling kerap di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor
2. Untuk mengenal pasti punca-punca kejadian buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor
3. Untuk mengenal pasti ciri-ciri mangsa buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor
4. Untuk mengenal pasti indeks perlakuan buli di sekolah menengah dan di sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor
5. Untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan di sekolah rendah berdasarkan indeks perlakuan buli sekolah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor
6. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku (fizikal, verbal dan antisosial) buli di kalangan pelajar sekolah mengikut peringkat persekolahan, lokasi sekolah dan jantina
7. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks tingkah laku buli sekolah mengikut peringkat persekolahan dan lokasi sekolah
8. Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara punca kejadian dengan indeks perlakuan buli sekolah

#### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut;

1. Apakah jenis tingkah laku buli yang kerap terjadi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
2. Apakah punca-punca kejadian buli di sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
3. Apakah ciri-ciri mangsa buli di sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
4. Apakah indeks perlakuan buli di sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
5. Apakah tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan sekolah rendah berdasarkan indeks perlakuan buli sekolah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?

- 9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
- 10 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar dan luar Bandar di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
- 11 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan perempuan di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?
- 12 Adakah wujud hubungan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli di sekolah menengah dan sekolah rendah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor?

### **1.5 Hipotesis Kajian**

1. Hipotesis nol 1:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah

2. Hipotesis nol 2:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah

3. Hipotesis nol 3:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah

## 4. Hipotesis nol 4:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah

## 5. Hipotesis nol 5:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar

## 6. Hipotesis nol 6:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar

## 7. Hipotesis nol 7:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar

## 8. Hipotesis nol 8:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar

## 9. Hipotesis nol 9:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan

## 10. Hipotesis nol 10:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan

## 11. Hipotesis nol 11:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan

## 12. Hipotesis nol 12:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan

## 13. Hipotesis nol 13:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah

## 14. Hipotesis nol 14:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar

## 15. Hipotesis nol 15:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan perempuan

## 16. Hipotesis nol 16:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli di sekolah

## 1.6 Rasional Kajian

Tingkah laku buli tidak dapat dinafikan lagi merupakan satu masalah kepada institusi sekolah pada hari ini. Masalah tingkah laku buli di sekolah juga akan menyebabkan pelbagai masalah lain seperti gangsterisme dan ponteng sekolah. Masalah tingkah laku buli akan memberi kesan kepada peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan pendidik anak bangsa. Masalah ini juga membawa kesan yang mendalam terhadap perkembangan pelajar itu sendiri baik dari segi perkembangan intelek dan jasmani maupun perkembangan rohani dan emosi. Tingkah laku buli akan memberi kesan kepada kedua-dua pihak yang terlibat iaitu pembuli dan mangsa buli.

Masalah tingkah laku buli juga akan menyebabkan pelajar terutama sekali yang menjadi mangsa buli merasakan bahawa sekolah bukan lagi merupakan satu tempat yang selamat. Begitu juga dengan ibu bapa yang merasa ragu tentang keselamatan anak mereka di sekolah. Pihak sekolah dan guru pula perlu berperanan sebagai pengawas dan penguat kuasa selain daripada tugas mendidik (Utusan Malaysia, 28 Mac 2004).

Berdasarkan kenyataan di atas, masalah tingkah laku buli di sekolah baik sekolah menengah maupun di sekolah rendah perlulah diberi perhatian serius dan ditangani dengan segera.

Melalui kajian ini, penyelidik cuba mengenal pasti nilai Indeks Perlakuan Buli Sekolah dan tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan sekolah rendah berdasarkan nilai indeks tersebut. Pengetahuan tentang Indeks Perlakuan Buli Sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar, dapat memberikan satu gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang status masalah buli di sekolah. Di samping mengenalpasti tahap perlakuan buli di sekolah, penyelidik juga cuba mengenalpasti jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapan kejadiannya serta punca-punca kejadian buli di kedua-dua peringkat persekolahan menengah dan rendah, supaya satu gambaran menyeluruh tentang masalah tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah dapat dilihat dan difahami.

Keadaan ini dapat memberi lebih kefahaman tentang masalah tingkah laku buli di sekolah menengah kepada semua pihak yang terlibat dengan sekolah seperti pengurus sekolah, guru-guru, ibu bapa dan pelajar sendiri. Gambaran dan kefahaman yang lebih

menyeluruh perlu supaya program-program intervensi dapat dirancang serta dilaksanakan dengan berkesan oleh pihak sekolah dan juga pihak-pihak yang berkaitan seperti persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan belia.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan dapat memberikan satu gambaran yang umum tentang tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Penggunaan indeks tingkah laku buli sekolah dalam menentukan tahap tingkah laku buli di sekolah merupakan satu cara bagaimana tahap tingkah laku buli di sekolah boleh ditentukan. Dapatan daripada kajian ini juga akan dapat menjelaskan lagi tentang tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah terutama dari segi jenis-jenis tingkah laku buli, kekerapan kejadian tingkah laku buli dan perbezaan di antara jenis tingkah laku buli yang dialami oleh pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Juga perbezaan jenis tingkah laku buli yang berlaku di sekolah menengah dan rendah di bandar dan luar bandar. Kajian ini juga akan memberi maklumat yang baru berkenaan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia .

Dapatan daripada kajian ini akan dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Sekolah dalam mengukur tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Data-data yang diperolehi seperti indeks pelakuan buli sekolah, jenis-jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku di sekolah, punca-punca kejadian buli dan ciri-ciri mangsa buli, boleh digunakan dalam perancangan program-program intervensi, pencegahan dan penyelesaian masalah tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah.

Dapatan kajian ini juga akan dapat digunakan sebagai garis panduan serta asas kepada pembentukan polisi bagi menangani dan mencegah tingkah laku buli di sekolah seperti polisi antibuli.

Para guru yang terlibat secara langsung dengan tingkah laku pelajar di kelas, akan mendapat faedah daripada dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini akan dapat membantu guru untuk mengatasi dan mencegah masalah buli yang berlaku di kelas atau di sekolah. Ianya juga akan membekalkan maklumat-maklumat yang baru berkenaan tingkah laku buli yang boleh digunakan oleh guru bagi menangani masalah buli yang berlaku di kelas mereka.

Pihak-pihak lain yang berkaitan dengan pelajar sekolah seperti ibu bapa dan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti PIBG, pertubuhan belia, kesatuan guru dan pertubuhan kemasyarakatan boleh memperoleh faedah daripada dapatan kajian ini dalam usaha merancang program kemasyarakatan ke arah masyarakat yang berbudi bahasa dan cemerlang.

## **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah berdasarkan kepada pengiraan indeks tingkah laku buli sekolah. Fokus penyelidik dalam kajian ini ialah mengenal pasti tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah berdasarkan indeks tingkah laku buli. Kajian ini juga cuba mengenalpasti jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah serta kekerapannya. Di samping itu kajian ini akan mengenal pasti punca-punca kejadian buli dan ciri-ciri mangsa buli.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini adalah terhad kepada objektif dan persoalan yang dinyatakan di bahagian 1.3 dan bahagian 1.4 di atas.

Aspek-aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ini seperti tahap tingkah laku buli sekolah, indeks tingkah laku buli sekolah, kekerapan tingkah laku buli, jenis tingkah



laku buli, punca-punca kejadian buli dan mangsa buli adalah terbatas kepada apa yang didefinisi secara operasional dalam kajian ini sahaja. Tahap tingkah laku buli sekolah, indeks tingkah laku buli sekolah, kekerapan tingkah laku buli, jenis tingkah laku buli, punca kejadian buli dan ciri mangsa buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah adalah diukur menggunakan soal selidik laporan sendiri yang dibangun sendiri oleh penyelidik.

Dapatan kajian ini juga adalah terbatas kepada penggunaan sampel pelajar sekolah menengah dan rendah kebangsaan di empat buah negeri iaitu negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Kajian juga terbatas kepada kaedah pensampelan yang digunakan iaitu kaedah kelompok atas kelompok. Pemilihan sampel negeri terbatas kepada dua zon iaitu zon tengah dan zon selatan. Hanya dua buah negeri di zon tengah iaitu Selangor dan Negeri Sembilan dan dua buah negeri di zon selatan iaitu Johor dan Selangor di pilih sebagai lokasi kajian. Pemilihan sampel sekolah pula terhad kepada 16 buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah rendah di empat buah negeri tersebut.

Pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti indeks perlakuan buli, tahap perlakuan buli, jenis perlakuan buli, punca perlakuan dan ciri-ciri mangsa buli yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan dalam kajian ini sahaja. Faktor-Faktor lain seperti pengaruh media yang tidak dinyatakan dalam kajian ini adalah tidak dikaji.

Dapatan kajian ini juga amat bergantung pada kejujuran pelajar-pelajar yang terpilih sebagai responden dalam memberikan jawapan tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan.

## **1.10 Definisi Istilah**

Definisi istilah berikut adalah dalam konteks kajian ini sahaja.

### **1.10.1 Tingkah laku Buli**

Tingkah laku buli merupakan satu bentuk tingkah laku agresif (Smith dan Sharp, 1994). Menurut Olweus (1993) tingkah laku buli adalah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau berkumpulan. Tingkah laku agresif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli. Tingkah laku buli termasuklah tindakan –tindakan seperti mengejek, pemulauan dan memukul (Olweus, 1991; Rigby, 1997; Thompson dan Sharp, 1998).

Dalam kajian ini tingkah laku buli adalah merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan negatif sama ada secara fizikal atau lisan atau secara psikologi yang dilakukan oleh seseorang yang lebih berupaya terhadap seseorang yang kurang upaya atau yang tidak upaya secara berulang kali. Contohnya, seperti mengejek, ugutan dan memukul.

### **1.10.2 Jenis Tingkah laku buli**

Menurut Olweus (1993) terdapat tiga jenis tingkah laku buli iaitu fizikal, verbal dan tingkah laku anti sosial. Smith dan Sharp (1994) pula mengelaskan tingkah laku buli kepada tiga jenis iaitu fizikal, verbal dan tidak langsung.

Penyelidik dalam kajian ini merujuk jenis tingkah laku buli adalah jenis-jenis tingkah laku buli seperti mana didefinisikan oleh Olweus (1993a) iaitu fizikal, verbal dan anti sosial.

Tingkah laku buli fizikal merujuk kepada tingkah laku yang berbentuk fizikal seperti memukul, menendang, mencederakan, menolak, menarik rambut, mengambil barang kepunyaan orang lain dan sebagainya (Olweus, 1993; Smith dan Sharp, 1994).

Tingkah laku buli verbal adalah tingkah laku seperti panggilan nama, mengejek, mengusik dan mencemuh berulang kali, menghina dan melabel kaum (Smith dan Sharp , 1994; Salmivalli, 2001).

Tingkah laku buli antisosial termasuklah tingkah laku tingkah laku buli tidak langsung seperti menyebarkan fitnah, gossip, penyisihan sosial, pemulauan dan merosakkan harta benda secara berulang kali (Olweus, 1993a; Smith dan Sharp , 1994; Rigby, 2001).

### **1.10.3 Punca kejadian buli**

Menurut Kamus Dewan (2002), punca bermaksud sebab. Dalam kajian ini punca kejadian buli ialah sebab-sebab atau faktor penyebab kepada berlakunya tingkah laku atau kejadian buli.

### **1.10.4 Mangsa buli**

Perlakuan buli merupakan juga satu bentuk interaksi sosial dimana individu yang lebih dominan (pembuli) akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidak selesaan kepada individu yang kurang dominan atau lemah (mangsa buli) (Olewus, 1978). Mangsa ialah seseorang yang menjadi sasaran terhadap pelbagai tingkah laku agresif (Salmivalli, 2001)

Mangsa buli dalam kajian ini bermaksud orang yang dibuli. Iaitu orang yang menerima akibat atau kesan langsung daripada perbuatan atau tingkah laku buli. Dan juga orang yang kurang dominan dan lebih lemah daripada pembuli serta merupakan sasaran pembuli.

### **1.10.5 Ciri-ciri mangsa buli**

Ciri-ciri mangsa buli ialah sifat-sifat mangsa buli samaada dari aspek fizikal atau psikologi (Dake et al., 2003). Ciri-ciri fizikal seperti saiz badan, lemah, tidak aktif bersukan dan mempunyai kecacatan fizikal. Ciri-ciri psikologi pula seperti kurang popular, bersendirian, tidak yakin pada diri dan pasif.

### **1.10.6 Indeks perlakuan buli sekolah**

Indeks tingkah laku buli sekolah ialah satu nilai, hasil daripada pengiraan statistik. Indeks tingkah laku buli sekolah 10 bagi bilangan pelajar 100 orang menunjukkan 60 kejadian berlaku lebih dari sekali dalam satu tempoh tertentu. Ianya berasaskan kepada pernyataan pelajar kepada enam item iaitu item 5: cuba menendang saya, item 9: mengugut untuk mencederakan saya, item 11: memaksa saya memberi duit kepadanya, item 25: cuba mencederakan saya, item 38: cuba merosakkan barangan kepunyaan saya, item 40: cuba memukul saya berlaku lebih daripada satu kali dalam tempoh masa tertentu (Arora, 1999). Dalam kajian ini Indeks tingkah laku buli dikira berdasarkan kaedah yang diguna pakai oleh Arora (Thompson et al., 2002).

### **1.10.7 Tahap tingkah laku buli sekolah**

Tahap tingkah laku buli sekolah diukur berdasarkan indeks tingkah laku buli sekolah (Arora, 1999). Dalam kajian ini, tahap tingkah laku buli sekolah adalah gambaran keadaan tingkah laku di sekolah berdasarkan kepada indeks tingkah laku buli sekolah, yang dikira daripada perspektif pelajar yang dilapor menggunakan senarai semak Kehidupan di sekolah yang diubahsuai daripada 'life in school' checklist (Arora dan Thompson, 1987).

Indeks tingkah laku buli sekolah yang tinggi menunjukkan tahap tingkah laku buli sekolah yang tinggi dan indeks tingkah laku buli sekolah yang rendah menunjukkan tahap tingkah laku buli sekolah yang rendah (Arora, 1999).

### **1.10.8 Zon Tengah dan Zon Selatan**


Zon Tengah dan Zon Selatan adalah merujuk kepada kumpulan negeri yang dikelompokkan mengikut pengkelompokan yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2005). Dalam Kajian ini Zon Tengah merujuk kepada negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Zon Selatan adalah merujuk kepada negeri Melaka dan Johor.

### **1.10.9 Kawasan Bandar dan Luar Bandar**

Kawasan bandar dan kawasan luar bandar ditarifikan sebagai kawasan yang diwartakan oleh kerajaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991). Kawasan bandar ialah kawasan yang diwartakan berserta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai jumlah penduduk seramai 10 000 atau lebih semasa banci penduduk 1991. Kawasan tepubina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun dan lebih) yang terlibat di dalam aktiviti bukan pertanian. Kawasan selain daripada ini ditakrifkan sebagai kawasan luar bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991).

Dalam kajian ini, kawasan bandar dan luar bandar mengikut pengkelasan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2005).

### 1.11 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1: Kerangka teori kajian berdasarkan model kajian Olweus (1978)

Kerangka teori kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah diubah suai daripada model kajian yang dibangunkan oleh Olewus (1978). Kerangka model kajian ini (seperti pada rajah 1.1) menunjukkan hubungan di antara beberapa elemen-elemen yang mempengaruhi kejadian buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Elemen seperti jenis tingkah laku buli, punca buli dan ciri-ciri mangsa buli dijadikan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini. Sementara pelakuan buli di sekolah menengah dan rendah di jadikan pemboleh ubah bersandar. Jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut merupakan asas kepada pengiraan indeks pelakuan buli sekolah. Indeks pelakuan buli sekolah pula dijadikan asas bagi menentukan tahap pelakuan buli di kalangan pelajar sekolah. Indeks pelakuan buli sekolah dan tahap pelakuan buli dijadikan pemboleh ubah bebas. Elemen demografi seperti jantina dan lokasi sekolah juga mempengaruhi kejadian buli di kalangan pelajar sekolah. Misalnya, jenis tingkah laku buli yang dialami oleh pelajar lelaki tidak sama dengan pelajar perempuan. Kesemua elemen-elemen ini saling berkait di antara satu sama lain dalam menentukan corak pelakuan buli di kalangan pelajar sekolah (Olewus, 1978).

Teori Pembelajaran Sosial telah digunakan dalam menjelaskan fenomena kejadian buli di kalangan pelajar sekolah. Ini kerana secara keseluruhan perlakuan buli merupakan satu bentuk interaksi sosial (Verlinden et al., 2000).

Kejadian buli banyak di cetus akibat daripada peniruan dan pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Pelajar yang mulanya menjadi pemerhati terhadap pelakuan buli, kemudian akan turut terlibat sebagai pembuli. Mengikut Olweus (1978), mengapa pemerhati kejadian buli, turut membuli ialah kerana peniruan. Mangsa buli pula akan bertukar menjadi pembuli akibat daripada peniruan juga. Mereka akan melepaskan kemarahan terhadap mangsa yang lebih lemah dan seterusnya melakukan apa yang telah mereka alami (dalam kes ini ialah perlakuan buli).

Owens dan rakan-rakan ( 2001) menyatakan bahawa penggunaan teori pembelajaran sosial dirasakan sesuai kerana tingkah laku buli juga adalah akibat daripada interaksi sosial. Tingkah laku buli melibatkan manipulasi sosial untuk mendapatkan kemudahan terhadap penerimaan seseorang oleh kumpulan atau rakan-rakan. Peniruan

dan pemerhatian terhadap tingkah laku rakan sebaya akan menentukan jenis-jenis pelakuan buli. Mereka akan cenderung melakukan perkara yang sama supaya dapat diterima oleh rakan sebaya.

Walaupun begitu teori pembelajaran sosial tidak mengabaikan peranan kognitif. Individu masih mempunyai pilihan sendiri dalam menentukan tingkah laku sendiri. Peranan kognitif dapat dijelaskan berfungsi dalam menentukan sasaran atau mangsa untuk dibuli. Kebanyakan pembuli akan memilih mangsa yang lebih lemah daripadanya.

Indeks pelakuan buli adalah dikira berdasarkan kepada kekerapan pelakuan buli di kalangan pelajar sekolah. Kekerapan pelakuan buli banyak dipengaruhi oleh interaksi rakan sebaya. Latar belakang sekolah seperti saiz sekolah, saiz kelas, kurikulum dan guru juga mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku pelajar termasuklah tingkah laku buli. Bagaimana latar belakang sekolah berfungsi dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar dapat dijelaskan dengan penggunaan teori pembelajaran sosial. Guru misalnya merupakan orang yang signifikan kepada pelajar. Oleh itu guru merupakan model kepada pelajar. Pelajar akan memerhati dan seterusnya meniru pelakuan guru yang mereka suka.

## **1.12 Penutup**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui indeks perlakuan buli sekolah dan mengenal pasti tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Latar belakang masalah buli di sekolah pada masa kini telah dibincangkan, bagi mengenal pasti objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Kerangka model kajian juga telah dibincangkan dalam bab ini, dan bab seterusnya akan melihat dan memaparkan beberapa hasil kajian lepas tentang tingkah laku buli sama ada- dari dalam negeri atau luar negeri.



## **BAB II**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah merupakan satu fenomena global yang bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah Malaysia tetapi juga berlaku di sekolah-sekolah di negara maju seperti di Amerika Syarikat, England, Jepun dan Australia. Pemahaman tentang tingkah laku buli di kalangan pelajar adalah perlu bagi membolehkan kita mencari kaedah atau pendekatan yang sesuai bagi menangani masalah ini.

Bab ini akan menyorot penulisan dan juga kajian lepas berkaitan dengan tingkah laku buli dan teori-teori yang berkenaan yang akan membantu penyelidik dalam pembentukan kerangka kajian bagi mengkaji tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan sekolah rendah.

#### **2.1 Definisi tingkah laku buli**

Apakah yang dikatakan pelakuan buli? Pelakuan buli merupakan satu fenomena yang kompleks (Collins et al., 2004). Tingkah laku buli boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira jantina. Terdapat pelbagai definisi tentang pelakuan buli diberikan oleh para sarjana. Dan definisi pelakuan buli ini pula bergantung kepada budaya sesuatu masyarakat. Mungkin satu pelakuan itu dikatakan pelakuan buli oleh satu masyarakat dan bagi masyarakat lain ianya bukan pelakuan buli. Bagi masyarakat

melayu, panggilan nama atau gelaran yang tidak baik misalnya bukan satu pelakuan buli, sebaliknya sebagai pelakuan yang bersifat gurauan

Definisi pelakuan buli yang paling banyak diterima pakai oleh para sarjana ialah definisi pelakuan buli yang diberikan oleh Olweus (1993a) yang mengatakan pelakuan buli ialah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau secara berkumpulan. Pelakuan buli merupakan juga satu bentuk interaksi sosial dimana individu yang lebih dominan (pembuli) akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidak selesaan kepada individu yang kurang dominan atau lemah (mangsa buli). Menurut Rigby (1996) pula, tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa. Apa yang penting dalam mendefinisikan pelakuan buli ialah wujudnya ketidakimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa buli. Pembuli lebih berkuasa daripada mangsa buli. Dalam kes buli tidak ada tindak balas daripada mangsa buli ketika kejadian buli. Jika ada tindak balas ketika kejadian buli, makaimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa buli wujud. Dan keadaan ini tidak lagi dikelaskan sebagai kejadian buli atau pelakuan buli.

Menurut Smith dan Thompson (1991), buli didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang mana dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratan secara fizikal serta psikologikal penerimanya. Tingkah laku buli termasuklah tindakan-tindakan yang bersifat mengejek, penyisihan sosial dan memukul (Crick, 1997; Olweus, 1991; Rigby, Cox, dan Black, 1997; Thompson dan Sharp, 1998).

Tattum dan Tattum (1992), mendefinisikan buli sebagai keinginan untuk mencederakan atau meletakkan seseorang kepada situasi dalam tekanan. Manakala Banks (2000), menghuraikan perlakuan buli sebagai mempersendakan, menghina, mengancam, memukul, mencuri dan serangan-serangan langsung yang dimulakan oleh seorang atau lebih terhadap mangsa. Perlakuan buli adalah tingkah laku agresif yang dikategorikan sebagai ketidakimbangan kuasa antara pembuli dengan mangsa (Pepler dan Craig, 1988). Perlakuan buli juga menggabungkan julat tingkah laku yang luas seperti panggilan nama yang bersifat menghina, peras ugut, perlakuan ganas, fitnah, penyisihan daripada kumpulan, merosakkan harta benda orang lain dan ancaman verbal (Smith dan Sharp, 1994)

Buli pada dasarnya adalah penyalahgunaan kuasa. Ia adalah operasi psikologikal atau fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah oleh individu atau kumpulan yang lebih berkuasa (Rigby, 1996). Ia adalah kehendak atau keinginan untuk mencederakan seseorang dan meletakkan mangsa tersebut dalam situasi yang tertekan atau stress (Tattum, 1988). Ianya diarahkan kepada individu yang tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya di dalam situasi sebenar (Roland, 1993).

Arora dan Thompson( 1987), dalam kajian mengenai tingkah laku buli di sekolah-sekolah di Britain melaporkan bahawa pelakuan buli adalah menuju keberhasilan atau memelihara kekuasaan sosial melalui pelakuan agresif secara terbuka yang terjadi kerana mangsa tidak mempunyai kapasiti atau keupayaan atau keterampilan yang cukup untuk berintegrasi dengan kelompok sebaya mereka. Penyelidik di Amerika seperti Hoover dan rakan ( 1993) mendefinisikan pelakuan buli sebagai penyalahgunaan fizikal atau psikologi dari suatu individu oleh satu atau sekompok individu lain.

Definisi perlakuan buli yang diberikan oleh undang-undang Britain ialah suatu keganasan fizikal atau psikologi yang sudah terjadi dalam satu jangka masa yang lama , yang dilakukan oleh seseorang atau satu kumpulan individu lain yang tidak mampu mempertahankan dirinya. Perbuatan ini merupakan perbuatan yang disedari dan untuk menyakiti, mengancam atau menakutkan individu itu atau meletakkannya di bawah tekanan (Heald, 1994)

Kajian-kajian terkini mengenai perlakuan buli pula mendefinisikan perlakuan buli sebagai sebahagian atau sub set daripada tingkah laku agresif, yang mempunyai keupayaan menyebabkan kesakitan secara fizikal atau secara psikologi ataupun keduanya. Tingkah laku buli merupakan satu bentuk tingkah laku agresif (Smith dan Sharp, 1994).

Apa yang penting dalam mendefinisikan tingkah laku buli ialah tidak wujud imbalan kuasa di antara pembuli dan mangsa buli serta ianya berlaku secara berulang kali. Pembuli lebih berkuasa daripada mangsa buli. Tingkah laku buli tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada konflik antara dua pelajar (Dake et al., 2003) seperti bergaduh atau bertumbuk.

Kebanyakan pembuli mempunyai fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa. Para pengkaji juga mendapati pembuli mempunyai tahap psikososial yang rendah (Demaray M. K. dan Malecki C. K., 2003). Pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa.

Secara umumnya, pelakuan buli bolehlah didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap seseorang yang lain, yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang kali.

## **2.2 Jenis Tingkah laku Buli**

Para pengkaji telah mengenal pasti tiga elemen buli terdapat di kalangan pembuli iaitu fizikal, verbal dan antisosial (Olweus, 1993a). Tingkah laku buli fizikal dan lisan merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung. Perlakuan buli sama ada dalam bentuk fizikal atau lisan boleh menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli. Tingkah laku buli termasuklah tindakan –tindakan seperti mengejek, pemuluan dan memukul (Olweus, 1991; Rigby, 1997; Thompson dan Sharp, 1998).

Tingkah laku buli termasuklah serangan fizikal seperti tumbuk, tendang dan tolak; serangan verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan dan serangan psikologi seperti pemuluan, menyebarkan gosip dan memanipulasikan hubungan sosial (Connel dan Farrington, 1996; Espelage et al., 2000).

Jadual 2.1: Jenis-jenis Pelakuan Buli

	Verbal	fizikal
Langsung	ejakan Deraan secara verbal	serangan fizikal
Tidak	menyebarkan fitnah/gossip	merosakan harta benda
Langsung	memperkecil-kecilkan	memulaukan, penyisihan

Sumber: Elliott M., *Bullying 3<sup>rd</sup> ed.*, Pearson Education , 2002

Smith dan Sharp (1994) melaporkan, jenis perlakuan buli yang lazimnya dilaporkan oleh pelajar-pelajar sekolah di United Kingdom , adalah panggilan nama, diikuti dengan dipukul, diugut dan penyebaran gossip atau fitnah. Kajian Lagerspetz, Bjorqvist dan Peltonen (1988) pula menunjukkan bahawa remaja perempuan lazimnya menggunakan kaedah buli secara tidak langsung seperti penyebaran fitnah, penyisihan dan pemencilan untuk membuli rakan-rakan mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Dawkins (1995), berkaitan perlakuan buli di sekolah-sekolah di Australia mendapati bahawa jenis perlakuan buli yang lazimnya dilaporkan oleh para pelajar adalah mencemuh dan panggilan nama.

Jenis perlakuan buli yang paling kerap dilaporkan adalah mencemuh dan panggilan nama, diikuti oleh memukul dan menyepak, dan ancaman-ancaman lain (Stephenson dan Smith, 1989; Sharp dan Smith, 1991; Hoover et al., 1992; Zindi, 1994). Manakala gangguan verbal merupakan bentuk perlakuan buli yang paling biasa di kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita. Olweus (1991), melihat bahawa pelajar lelaki secara umumnya lebih ganas dalam perlakuan buli berbanding dengan pelajar wanita. Pelajar wanita dilihat lebih menggunakan gangguan-gangguan yang berbentuk tidak langsung atau antisosial seperti penyebaran gossip, rumour dan manipulasi persahabatan.

Crozier dan Skliopidou (2002), telah menjalankan kajian berkaitan koleksi panggilan nama dan nama samaran semasa bersekolah. Seramai 220 responden dewasa telah diminta menjawab soal selidik berkaitan panggilan nama dan nama samaran ketika mereka bersekolah. 141 responden melaporkan panggilan nama yang menyakitkan telah diberi kepada mereka dan menerangkan cara mereka menangani masalah tersebut sama ada bertindak menentang kembali secara verbal atau bertindak dengan tidak memperdulikan atau menghiraukan panggilan tersebut. Mereka juga melaporkan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara panggilan nama dengan perlakuan buli secara fizikal dan pengalaman tersebut merupakan pengalaman yang negatif atau menyakitkan. Kandungan biasa nama-nama panggilan banyak dirujuk kepada penampilan fizikal, mempermainkan nama seseorang dengan merujuk kepada nama binatang dan mencemuh.

Kajian Boulton, Trueman dan Flemington (2002) mendapati bahawa serangan verbal secara langsung merupakan jenis perlakuan buli yang paling kerap dilaporkan manakala mencuri merupakan jenis perlakuan buli yang paling kurang dilaporkan. Murid tahun 9 adalah yang paling kurang melaporkan bahawa mereka melakukan perlakuan buli sejak beberapa minggu kebelakangan berbanding murid-murid yang lain. Tidak wujud perbezaan jantina yang signifikan dalam penilaian kajian ini. Hampir kebanyakan murid-murid menganggap bahawa enam jenis tingkah laku yang dianggap perlakuan buli oleh penyelidik itu betul dan sebahagian kecil lagi menganggapnya bukan.

Ireland (2002), telah menjalankan kajian perbandingan perlakuan buli di kalangan remaja dan pesalah juvana. Remaja dilihat mempunyai kekerapan perlakuan buli yang tinggi berbanding pesalah juvana. Remaja juga didapati lebih signifikan terlibat dalam perlakuan buli secara fizikal, psikologikal atau verbal dan keseluruhan bentuk perlakuan buli secara langsung berbanding dengan pesalah juvana.

Secara umumnya perlakuan buli lebih cenderung berlaku di kalangan pelajar lelaki, sama ada secara individu atau berkumpulan (O'Moore dan Hillery, 1989; Hazler, Hoover, dan Oliver, 1991; Hoover, Oliver, dan Thomson, 1993). Namun menurut Roberts (1988), perlakuan buli di kalangan pelajar juga wanita tidak harus diketepikan malah ada yang merasakan bahawa kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar-pelajar ini semakin meningkat.

Pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa. Tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki lebih kerap berlaku berbanding pelajar perempuan (Olweus:1993).

### **2.3 Punca kejadian buli**

Perlakuan buli merupakan tingkah laku yang kompleks. Kanak-kanak tidak dilahirkan sebagai pembuli. Tingkah laku buli juga tidak diajar secara langsung kepada kanak-kanak. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi seseorang kanak-kanak membuli. Faktor-faktor ini termasuklah faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan dan persekitaran. Kajian-kajian semasa mendapati bahawa faktor-faktor percampuran individu, sosial, risiko persekitaran dan perlindungan berinteraksi untuk menentukan etiologi perlakuan buli (Espelage et al., 2000; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000).

Kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu (Nansel et al, 2001). Secara umumnya kanak-kanak ini kurang berkeyakinan. Mereka mempunyai esteem sendiri yang rendah dan sering menganggap diri mereka sebagai individu yang tidak kompeten, tertekan dan sentiasa dalam kebimbangan. Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pembuli mungkin berasal daripada mangsa yang pernah mengalami perlakuan ganas atau deraan (Loeber dan Hay, 1997; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Tindakan mereka membuli adalah bertujuan untuk membalas dendam. Pembuli-pembuli juga cenderung untuk menganggap bahawa dirinya sentiasa diancam dan dalam bahaya. Mereka akan bertindak menyerang sebelum diserang sebagai justifikasi dan sokongan terhadap tingkah laku agresif yang telah dilakukan. Pembuli-pembuli lazimnya adalah terdiri daripada mereka yang secara fizikalnya kuat dengan esteem sendiri yang baik dan berkembang. Mereka tidak mempunyai rasa tanggung jawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain (Twemlow, 2000).

Latar belakang keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk tret perlakuan buli. Ibu bapa yang sering bertelagah cenderung untuk mempunyai anak-anak yang mempunyai risiko untuk menjadi lebih agresif. Penggunaan kekerasan dan tindakan-tindakan yang keterlaluan dalam usaha untuk mendisiplinkan kanak-kanak oleh

ibu bapa, penjaga dan guru secara tidak langsung boleh menggalakkan perlakuan buli di kalangan kanak-kanak (Stevens et al., 2002). Kanak-kanak yang kurang mendapat kasih sayang, didikan yang sempurna dan pengukuhan positif lazimnya akan menjadi pembuli. Mereka akan menjadi kanak-kanak yang bersikap pemaarah dan lebih agresif berbanding kanak-kanak lain yang sebaya. Tindakan ahli keluarga yang secara keterlaluan mendera sama ada secara verbal atau fizikal akan mengajar kanak-kanak tersebut bahawa tingkah laku ganas dan agresif merupakan tingkah laku yang paling sesuai dan efektif bagi mencapai sesuatu matlamat. Kanak-kanak tersebut belajar bahawa tindakan menentang adalah cara bagi mereka untuk menyelesaikan masalah.

Rakan sebaya memainkan peranan yang tak kurang penting terhadap perkembangan dan pengekalan tingkah laku buli, sikap anti sosial dan salah laku-salah laku lain di kalangan kanak-kanak (O'Connell, Pepler dan Craig, 1999; Salmivalli et al, 1996; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Kehadiran rakan sebaya sebagai pemerhati secara tidak langsung membantu pembuli memperolehi kuasa, populariti dan status. Pembuli secara tidak langsung mencapai kesedaran tentang kuasa dan menerima pengukuhan sosial melalui rakan sebaya terhadap tingkah laku buli yang mereka lakukan terhadap mangsa. Pembuli menjadi lebih popular dan terkenal di kalangan rakan sebaya. Dalam kebanyakan situasi buli, saksi ataupun rakan sebaya yang melihat perlakuan buli dilakukan lazimnya akan mengambil sikap berdiam diri dan enggan untuk campur tangan. Ini ialah kerana mereka beranggapan bahawa jika mereka campur tangan atau memberitahu orang lain tentang perlakuan buli yang disaksikan oleh mereka akan mengundang tindak balas atau bencana yang lebih buruk terhadap diri mereka sendiri dan juga mangsa buli. Kegagalan untuk bertindak atau melaporkan kes buli ini akhirnya akan mengukuhkan tingkah laku pembuli serta terus membiarkan perlakuan buli dilakukan sewenang-wenangnya (O'Connell, Pepler dan Craig, 1999).

Persekitaran dan budaya sekolah turut mempengaruhi interaksi, aktiviti dan tingkah laku pelajar di sekolah. Pengurusan serta pengawasan disiplin sekolah yang lemah akan mengakibatkan wujudnya tingkah laku buli di sekolah (Pearce dan Thompson, 1998). Perlakuan buli juga berpotensi untuk wujud di kalangan pelajar akibat daripada keadaan kelas yang sesak serta kekurangan guru di sekolah. Keadaan kelas yang sesak serta kekurangan guru di sekolah akan menyebabkan pelajar tidak dapat



diselia dan dikawal dan akhirnya akan menjadi penyumbang kepada berlakunya tingkah laku buli di kalangan pelajar di sekolah.

Paparan aksi dan tingkah laku ganas yang sering diudarkan di kaca televisyen dan media-media elektronik mempengaruhi tingkah laku ganas kanak-kanak dan para remaja (Johnson et al., 2002). Ianya mungkin secara khusus berlaku kepada mereka yang mempunyai masalah kawalan tingkah laku, emosi dan pembelajaran. Kanak-kanak yang terdedah kepada tingkah laku dan aksi ganas akan belajar menerima keganasan dalam kehidupan seharian mereka. Mereka seterusnya akan membentuk sikap yang positif terhadap penggunaan kekerasan dan akhirnya gagal untuk menyedari kesan-kesan negatif akibat daripada tingkah laku ganas tersebut. Mereka lazimnya akan melihat tingkah laku dan aksi ganas sebagai sumber status sosial atau cara yang efektif untuk menyelesaikan masalah. Imej dan maklumat media yang memaparkan keganasan dan tingkah laku buruk akan menyumbang kepada tanggapan yang menyifatkan bahawa perlakuan buli adalah tingkah laku yang diterima, popular dan humor (Willes dan Strasburger, 1998).

#### **2.4 Mangsa buli**

Perlakuan buli merupakan satu bentuk interaksi sosial di mana individu yang lebih dominan (pembuli) akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidakselesaan kepada individu yang kurang dominan atau lemah (mangsa buli) (Olewus, 1978). Menurut Rigby (1996) pula, tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa. Mangsa buli ialah seorang yang menjadi sasaran terhadap pelbagai tingkah laku agresif (Salmivalli, 2001)

Mangsa buli ialah orang yang dibuli. Iaitu orang yang menerima akibat atau kesan langsung daripada perbuatan atau tingkah laku buli. Dan juga orang yang kurang dominan dan lebih lemah daripada pembuli serta merupakan sasaran pembuli.

Isu ketidakmampuan mangsa buli adalah berkait rapat dengan ketidakupayaan atau kekurangan mereka dari aspek fizikal dan psikologi, penyisihan sosial, keseorangan, rasa tidak selamat dan esteem sendiri yang lemah. Ciri-ciri ketidakupayaan dan kekurangan ini seolah-olah cermin yang menggambarkan mangsa buli (Boulton dan Underwood, 1992; Hoover dan Hazler, 1991; Olweus, 1993). Oleh yang demikian jika pembuli dikategorikan sebagai individu yang berkuasa maka mangsa buli pula dikategorikan sebagai individu yang tidak berdaya atau tidak berkuasa.

Mangsa buli juga mempunyai ciri-ciri fizikal yang lemah. Pelajar atau individu yang mempunyai kekurangan dari segi ciri-ciri fizikal, tahap kebimbangan yang tinggi dan kemahiran sosial yang rendah berpotensi untuk dijadikan mangsa buli oleh rakan-rakan sebaya (Egan dan Perry, 1998). Oleh kerana ciri-ciri fizikal mereka yang lemah, mereka merupakan sasaran buli yang paling selamat kepada pembuli. Kebanyakan pembuli mempunyai fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa. Dan mangsa buli memiliki ciri yang sebaliknya. Para pengkaji juga mendapati pembuli mempunyai tahap psikososial yang rendah (Demaray dan Malecki., 2003). Mangsa buli kebiasaannya mempunyai sifat atau ciri yang bertentangan dengan pembuli. Misalnya, jika pembuli lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar, maka mangsa buli pula mempunyai fizikal yang lemah, lebih kecil dan tidak atau kurang berkuasa.

Olweus (1993) mendapati bahawa terdapat mangsa-mangsa buli yang berkelakuan menyakitkan hati orang lain di sekeliling mereka. Perlakuan mereka ini seterusnya mencetuskan provokasi terhadap orang lain di sekeliling mereka dan akhirnya mencetuskan pula reaksi negatif daripada orang lain. Mangsa buli provokatif ini secara langsung akan mengumpan atau menarik perhatian pembuli untuk membuli mereka. Mereka juga sering membangkitkan kemarahan orang lain untuk membuli mereka dengan penggunaan kata-kata yang menyakitkan hati (Matusova, 1997). Pelajar-pelajar ini juga dikatakan mempunyai sifat yang mudah bergaduh, pemarah dan berkelakuan yang menjelikkan orang lain.

Pelajar yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang lemah seperti pemalu, pasif dan tidak bermaya berpotensi untuk menjadi mangsa buli (Nesbitt, 1999). Mereka merupakan pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri dan kurang popular di kalangan rakan sebaya. Kelemahan psikologikal yang dimiliki oleh para pelajar ini seolah-olah

memberi isyarat kepada pembuli bahawa mereka adalah individu atau pelajar yang mudah untuk dibuli. Pembuli sering menganggap bahawa kelompok pelajar ini merupakan individu yang tidak mampu untuk bertindak balas terhadap tindakan buli yang dilakukan.

Mangsa buli juga mempunyai sikap suka menyendiri dan tidak mempunyai rakan untuk melindungi atau berkongsi masalah. Pelajar dalam kelompok ini merupakan pelajar yang disisihkan oleh orang lain. Dalam pelbagai kejadian buli, mangsa buli daripada kalangan pelajar yang suka menyendiri ini, dianggap sebagai 'mangsa buli klasik' oleh pembuli terutama sekali jika mangsa tersebut mudah menangis dan kurang melawan atau bertindak balas (Seppa, 1996).

Kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu (Nansel et al, 2001)

**Jadual 2.2 : Profil Diri Mangsa Buli**

Profil Diri	Hubungan Dengan Rakan Sebaya	Hubungan Dengan Guru-Guru	Latar Belakang Keluarga
Pasif	Keseorangan	Biasanya selalu dilindungi	Sentiasa diperkecil oleh ahli keluarga
Suka menarik diri	Tidak popular		
Sensitif kepada kritikan	Sentiasa dan mudah terdedah kepada serangan	Dilihat sebagai pelajar yang lemah pencapaian akademik	Terlalu dilindungi oleh ibu bapa
Tidak yakin pada diri sendiri		Dilihat sebagai pelajar yang suka poteng, leka dan mengganggu	Mungkin didera secara fizikal atau seksual
Penuh dengan alam fantasi			
Tidak suka ke sekolah			

(Sumber: Twemlow, S. (2000). The Roots of Violence: Converging Psychoanalytic Explanatory Models for Power Struggles and Violence in Schools, *Psychoanalytic Quarterly*, 69 (4): 741-785.)

## 2.5 Indeks Perlakuan Buli Sekolah

Indeks perlakuan buli sekolah adalah berbentuk kuantitatif hasil daripada pengiraan statistik berdasarkan data-data yang diperolehi mengenai berapa kerap pelajar mengalami kejadian buli. Indeks perlakuan mula diperkenalkan oleh Arora dan Thompson (1987). Arora dan Thompson (1987) mengira indeks perlakuan buli sekolah berdasarkan data-data kekerapan pelajar mengalami kejadian buli yang dikumpulkan menggunakan Senarai Semak Kehidupan di Sekolah (*Life in School Checklist*). Tujuan utama soal selidik Senarai semak kehidupan di sekolah dibangunkan ialah untuk mengukur berapa banyak kejadian buli berlaku di sekolah tanpa menyebut perkataan buli (Laura dan Edward, 2004).

Indeks perlakuan buli sekolah memberikan satu anggaran tentang kejadian buli di kalangan pelajar sesebuah sekolah dari persepsi pelajar (Thompson et al, 2002). Indeks perlakuan buli bagi kelas atau sekolah boleh ditentukan berdasarkan kepada respons pelajar terhadap enam item dalam senarai semak kehidupan di sekolah. Enam item tersebut ialah cuba menendang saya; mengugut untuk mencederakan saya; meminta wang daripada saya; cuba mencederakan saya; cuba memukul saya dan cuba memecahkan sesuatu yang saya miliki ( Arora, 1999). Terdapat juga item-item lain dalam senarai semak ini yang menggambarkan tingkah laku buli seperti menyebarkan fitnah atau mengejek. Tetapi tingkah laku ini boleh ditafsirkan sebagai bukan benar-benar tingkah laku buli (Thompson et al, 2002).

Indeks perlakuan buli 10 bagi sekolah yang mempunyai 100 pelajar menunjukkan 60 kejadian seperti di atas berlaku lebih dari sekali dalam sesuatu tempoh tertentu. Indeks perlakuan buli 10 bagi sekolah yang mempunyai pelajar 1000 menunjukkan 600 kejadian seperti berikut berlaku. Peningkatan indeks perlakuan buli satu mewakili peningkatan kejadian buli sebanyak 10 peratus dan peningkatan indeks perlakuan buli sebanyak 2 mewakili 20 peratus dan seterusnya (Arora, 1999).

Indeks perlakuan buli sekolah yang diperolehi menggunakan senarai semak kehidupan di sekolah memberikan data secara langsung berkaitan dengan kejadian buli dan jenis-jenis tingkah laku buli yang terjadi dikalangan pelajar sekolah berdasarkan kepada apa yang di laporkan oleh pelajar itu sendiri (Arora, 1999).

## **2.6 Tahap perlakuan buli di sekolah**

Tahap perlakuan buli di sekolah adalah didasarkan kepada indeks perlakuan buli sekolah. Indeks perlakuan buli sekolah boleh digunakan sebagai penanda aras bagi menyatakan tahap perlakuan buli di sekolah (Arora, 1999; Thompson et al, 2002). Indeks perlakuan buli sekolah yang tinggi boleh ditafsirkan sebagai petunjuk kepada tahap perlakuan buli di sekolah adalah tinggi dan sebaliknya indeks perlakuan buli sekolah yang rendah menunjukkan tahap perlakuan buli di sekolah adalah rendah (Arora, 1999).

Kajian yang dijalankan di United Kingdom, menggunakan instrumen senarai semak kehidupan di sekolah menunjukkan indeks perlakuan buli sekolah rendah lebih rendah berbanding sekolah menengah. Dapatan ini menunjukkan tahap perlakuan buli di sekolah rendah adalah lebih rendah berbanding sekolah menengah (Thompson et al., 2002). Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh sarjana-sarjana lain seperti Oleweus (1993); Smith dan Sharp (1994); dan Rigby (1997).

Kajian yang dijalankan oleh Collins K. et al. (2004) di Ireland Utara mendapati sebaliknya iaitu peratus pelajar sekolah rendah dibuli oleh rakan sebaya lebih tinggi daripada pelajar sekolah menengah.

Kajian perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Batu Pahat oleh Abdul Latif (2005), mendapati bahawa kekerapan perlakuan buli secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

## 2.7 Masalah perlakuan buli di sekolah

Tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah bukan sahaja merupakan masalah di negara kita, tetapi ianya juga merupakan masalah di seluruh dunia (contoh, sila lihat; Rigby&Slee, 1991; Olweus, 1991, 1993; Smith & Sharp, 1994). Banyak penyelidik seperti Beale dan Scott (2001); Yoon J.S dan Karen Kerber (2003), mendapati tingkah laku agresif dan buli merupakan satu fenomena tingkah laku yang berlaku secara berleluasan di sekolah pada hari ini. Dapatan kajian oleh para sarjana barat menunjukkan bahawa satu daripada sepuluh pelajar sekolah adalah terlibat dalam tingkah laku buli sama ada sebagai pembuli atau mangsa buli (Glover et al., 2000). Kajian Olweus (1994) pula, mendapati bahawa perlakuan buli kerap berlaku di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan pelajar yang lebih muda usia mereka.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nansel et al. (2001), menunjukkan antara 8.4 peratus hingga 20 peratus kanak-kanak di Amerika Syarikat melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli beberapa kali dalam seminggu. Manakala kajian Haynie et al. (2001), pula mendapati bahawa seramai 24.4 peratus hingga 44.6 peratus kanak-kanak melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli sekurang-kurangnya sekali. Kajian mereka juga mendapati bahawa masalah perlakuan buli merupakan masalah yang memberi kesan yang negatif kepada 25 peratus hingga 50 peratus kanak-kanak di sekolah.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan di United Kingdom, Smith dan Sharp (1994), mendapati bahawa 10 peratus daripada pelajar yang dikaji melaporkan yang mereka sama ada jarang atau kerap dibuli sepanjang tempoh kajian dijalankan. Mereka juga mendapati bahawa 4 peratus daripada pelajar yang disoal selidik melaporkan bahawa mereka telah dibuli sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Connell dan Farrington (1996), telah menjalankan kajian tentang perlakuan buli terhadap 20 orang pesalah-pesalah juvana di Ontario, Canada. Mereka mendapati

bahawa 45 peratus dari pada responden terlibat sebagai pembuli dan 25 peratus lagi sebagai mangsa beberapa kali seminggu atau lebih.

Crick, Bigbee dan Howes (1996), melalui kajian mereka mendapati bahawa konflik keagresifan pelajar perempuan semakin kerap dan meningkat dan seterusnya akan menjadi lumrah apabila mereka mencapai peringkat keremajaan.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Latif (2005) ke atas 480 orang pelajar di sekolah menengah daerah Batu Pahat, Johor menunjukkan hanya 22.7 % daripada mereka menyatakan pernah dibuli. Daripada jumlah ini hanya 2.5% pelajar menyatakan mereka telah dibuli setiap hari, 2.7% menyatakan mereka dibuli sekali hingga dua kali seminggu, 5.6% menyatakan mereka dibuli sekali atau dua kali sebulan dan 11.9% lagi menyatakan mereka jarang sekali dibuli (sekali atau dua kali setahun). Jumlah ini menunjukkan tahap perlakuan buli di sekolah menengah terutama di daerah Batu Pahat ada pada tahap yang sederhana (Abdul Latif, 2005).

## **2.8 Pendekatan teori**


### **2.8.1 Teori Pembelajaran sosial**

Tingkah laku buli tidak dapat dinafikan merupakan sebahagian daripada tingkah laku agresif. Fenomena buli boleh difahami dalam konteks keagresifan (Oleweus, 1978). Agresif ialah tingkah laku yang dirangsangkan oleh kemarahan, keganasan atau sifat bersaing, yang diarahkan terhadap orang atau objek lain mahu pun terhadap diri sendiri dan boleh dianggap bertujuan untuk membahayakan, mengganggu atau memusnahkan. Tingkah laku agresif sebagai tingkah laku yang bertujuan untuk mencederakan orang lain secara fizikal atau psikologi.

Terdapat beberapa teori yang berkaitan keagresifan. Satu daripadanya ialah Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Albert Bandura (1973). Teori pembelajaran

sosial menyarankan bahawa keagresifan ialah sesuatu yang dipelajari dan bukannya secara semula jadi wujud dalam diri seseorang individu. Tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, interaksi dengan rakan sebaya dan media massa (Mahmood Nazar, 2001).

Tingkah laku agresif ini juga boleh disebabkan oleh sesuatu kejadian atau pengalaman yang menyakitkan atau yang aversif. Sesuatu peristiwa atau pengalaman yang aversif akan membangkitkan emosi yang seterusnya akan mencetuskan tingkah laku seperti penggantungan, penarikan diri, agresif dan penggunaan dadah atau alkohol. Perolehan insentif seperti pencapaian sesuatu matlamat juga boleh membangkitkan emosi yang juga akan mencetuskan tingkah laku.



Rajah 2.1 :Teori pembelajaran sosial tentang keagresifan (Albert Bandura, 1973)

Tingkah laku agresif boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu fizikal dan verbal (Atlas dan Pepler, 1998). Tingkah laku agresif fizikal termasuklah ugutan secara fizikal atau kekerasan, menendang, memukul, menolak dan mengambil atau memusnahkan barang milik orang lain. Manakala tingkah laku agresif berbentuk verbal pula ialah seperti panggilan nama yang tidak disukai, mengejek, menyebarkan fitnah dan gosip (Bjorkqvist, Lagerspetz dan Kaukiainen, 1992; Smith dan Levan, 1995). Tingkah laku agresif merupakan tingkah laku yang dipelajari dan ditiru melalui pemerhatian terhadap



orang lain dan pengalaman lalu (Bandura, 1973). Berdasarkan kepada pendekatan ini tingkah laku negatif atau tingkah laku positif merupakan tingkah laku yang dipelajari oleh seseorang sama ada melalui pemerhatian atau peniruan, ataupun pengalaman yang menyakitkan.

Bandura (1973), juga menerangkan bahawa tanpa kewujudan peneguhan secara langsung individu juga mempelajari tingkah laku agresif melalui pemerhatian terhadap orang lain atau melalui pelbagai pengalaman yang mereka lalui. Bagi menunjukkan bagaimana kanak-kanak meniru tingkah laku agresif selepas memerhatikan tingkah laku model mereka, Bandura (1973) telah menjalankan eksperimen terhadap lima kumpulan kanak-kanak. Kumpulan pertama melibatkan kanak-kanak prasekolah yang telah didedahkan kepada tingkah laku agresif model dewasa terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan kedua didedahkan kepada filem yang menayangkan tingkah laku agresif orang dewasa. Kanak-kanak dalam kumpulan ketiga pula memerhatikan tingkah laku agresif karakter karton terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan keempat pula telah bertindak sebagai kumpulan kawalan dan mereka tidak didedahkan kepada sebarang bentuk pemerhatian. Kanak-kanak dalam kumpulan kelima pula didedahkan kepada tingkah laku tidak agresif. Dapatan daripada eksperimen yang dijalankan oleh Bandura ialah kanak-kanak yang memerhati tingkah laku agresif individu lain sama ada secara langsung atau melalui filem atau melalui karton akan bertingkah laku agresif selepas itu berbanding kanak-kanak dalam kumpulan kawalan dan tingkah laku tidak agresif. Bandura juga mendapati kanak-kanak dalam kumpulan memerhati tingkah laku tidak agresif akan bertingkah laku kurang agresif berbanding kumpulan kawalan. Keputusan daripada eksperimen ini menunjukkan bahawa manusia boleh mempelajari sesuatu tanpa sebarang penglibatan peneguhan dan hukuman secara langsung.

Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggungjawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku agresif seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997).

### **2.8.2 Hipotesis kekecewaan – agresif**

Teori psikoanalisis (Mahmod Nazar, 2001), menyatakan bahawa setiap manusia secara semula jadinya menginginkan keseronokan dan cuba mengelak kesakitan. Jika keinginan untuk memperoleh keseronokan dan mengelak kesakitan terhalang maka seseorang itu menjadi agresif. Seseorang yang agresif mempunyai dorongan naluri dalaman yang berlainan dengan seseorang yang tidak agresif.

Berdasarkan teori psikoanalisis, Dollard dan rakan-rakan (dalam Maksan Musa, 1997) mengemukakan hipotesis kekecewaan- agresif. Menurut hipotesis kekecewaan – agresif, tingkah laku agresif adalah disebabkan kekecewaan. Setiap individu mempunyai kecenderungan secara semula jadi atas faktor biologi menjadi agresif bila kecewa.

Penyelidik Jepun seperti Fukaya (1996) dan Morita (1996) berpendapat perasaan kecewa yang di alami oleh pelajar merupakan satu faktor penyebab kepada pelakuan buli di sekolah. Penyelidik-penyelidik ini berpendapat tekanan yang dialami oleh pelajar untuk mencapai gred yang baik dalam peperiksaan dan tindakan guru disiplin yang keras membangkitkan perasaan kecewa dan seterusnya pelakuan buli dalam sistem persekolahan. Tetapi dapatan penyelidik di Jepun ini adalah bercanggah dengan dapatan oleh penyelidik barat, yang mendapati personaliti dan pengalaman seseorang merupakan faktor penyebab kepada tingkah laku buli (Ross, 1996).

### **2.8.3 Teori Psikoanalisis Freud dan Tingkah laku Buli**

Teori Psikoanalisis melihat keagresifan adalah naluri semula jadi manusia dan ia tidak dapat dielakkan daripada realiti kehidupan manusia (Glassman, 1995). Menurut teori psikoanalisis, struktur personaliti individu terdiri daripada id, ego dan superego. Pendorong kepada tingkah laku dan sifat keagresifan ialah id. Ego pula berfungsi sebagai pemikiran, persepsi dan kawalan motor yang akan menilai secara tepat keadaan

persekitaran. Ego merupa pengimbang antara id dan superego. Dalam usaha untuk memenuhi fungsi adaptasi ini, ego mesti berupaya mengukuhkan penanguhan kepuasan impuls naluri daripada id. Untuk mempertahankan dirinya daripada impuls-impuls yang tidak dijangkakan, ego perlu membentuk mekanisma khusus yang dikenali sebagai mekanisma bela diri. Mekanisma-mekanisma ini termasuklah repressi, penyingkiran dan pengukuhan pola-pola tingkah laku yang secara langsung bertentangan dengan keperluan tidak sedar. Perkembangan personaliti wujud melalui penempatan berperingkat 'libido' yang memberi tenaga kepada tubuh untuk mensintesiskannya kepada stimulasi. Ianya berfungsi sebagai penyebab utama aktiviti mental dan tingkah laku manusia dalam memburu keseronokan dan ketegangan. Konflik dalam kehidupan akan mewujudkan kebimbangan. Kebimbangan ini akan dihadapi oleh individu dengan menggunakan mekanisma bela diri.

Pembuli lazimnya wujud daripada kalangan kanak-kanak atau pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Farrington (1993), menyatakan bahawa pembuli mungkin wujud di kalangan keluarga yang mempunyai bapa yang bersifat seorang pembuli. Menurut Stevens dan rakan (2002), latar belakang keluarga yang mempunyai pelbagai masalah seperti, kurangnya interaksi prososial, pengukuhan terhadap tingkah laku agresif, ketidaktekalan serta kaedah disiplin yang lemah mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak untuk menjadi pembuli.

Pengalaman lampau sebagai mangsa buli akan menyebabkan kanak-kanak tersebut bertindak untuk membuli orang lain sebagai mekanisma bela dirinya untuk merasai dirinya adalah individu yang berkuasa.

#### **2.8.4 Model interaksi Sosial dan tingkah laku buli**

Model Interaksi sosial menjelaskan bagaimana Teori Berkumpulan dan Teori Identiti Sosial menerangkan perlakuan buli yang berlaku di sekolah. Teori Identiti Sosial melibatkan tiga idea utama iaitu pengkategorian, identifikasi dan perbandingan (Turner et al., 1987). Objek dan manusia adalah dikategorikan supaya senang difahami. Kita akan mengetahui sesuatu tentang diri kita apabila kita mengetahui dalam kategori manakah

kita berada? Kita akan dapat mendefinisikan tingkah laku yang sesuai melalui rujukan terhadap norma-norma kumpulan mana yang kita wakili.

Identifikasi pula ujud apabila kita telah mengenal pasti kumpulan manakah yang kita hendak wakili. Manakala perbandingan sosial akan digunakan untuk menilai diri dengan membandingkan diri kita berbanding kumpulan atau orang lain. Ia adalah proses di mana kita membentuk konsep sendiri. Proses perbandingan sosial mempunyai kesan bahawa individu atau kumpulan yang mempunyai persamaan dengan diri kita akan dikategorikan dengan diri kita manakala individu atau kumpulan yang berbeza dengan diri kita akan dikategorikan berbeza daripada diri kita.

Berdasarkan kepada Teori Identiti Sosial, persepsi dan sikap individu terhadap ahli dalam kumpulan atau bukan ahli kumpulan ujud daripada keinginan untuk diterima sebagai ahli dalam kumpulan yang mempunyai status yang tinggi. Ini ialah kerana keahlian dalam kumpulan tersebut dapat digunakan oleh individu untuk meningkatkan konsep kendirinya (Turner et al., 1987; Nesdale dan Flesse, 2001). Individu akan menganggap bahawa ahli kumpulan yang dianggotainya mempunyai ciri-ciri positif manakala mereka yang tidak berada dalam kumpulan akan dianggap mempunyai ciri-ciri yang negatif. Proses ini dikenali sebagai pengkategorian sendiri (Stets dan Burke, 2000).

Berdasarkan model interaksi sosial perlakuan buli, apabila seseorang individu yang berkeinginan untuk bergabung atau menyertai sesuatu kumpulan maka kumpulan tersebut menilai keahlian individu tersebut dengan memberikannya beberapa syarat untuk dipatuhi atau diikuti. Sebahagian daripada syarat-syarat ini mungkin dinyatakan secara terbuka ataupun secara langsung manakala selebihnya mungkin dalam bentuk ejekan atau tingkah laku yang bersifat menghina. Jika seseorang pelajar atau individu disahkan dan berupaya untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan maka peluang untuk menjadi ahli atau menyertai kumpulan tersebut adalah tinggi. Jika individu tidak berupaya untuk memenuhi syarat tersebut maka individu tersebut akan disisihkan. Proses penyingkiran atau penyisihan ini dikenali sebagai `depersonalization` (Turner et al., 1987).

Penyingkiran melalui perlakuan buli pada masa akan datang akan menjadi sebahagian daripada norma-norma yang diterima dalam kumpulan tersebut. Ahli

kumpulan tersebut akan membuli pelajar atau individu lain untuk meningkatkan lagi tahap penerimaan ahli kumpulannya.

### **2.8.5 Rumusan Teori Pembelajaran Sosial**

Teori Pembelajaran Sosial melihat perlakuan atau tingkah laku agresif seperti tingkah laku buli ialah sesuatu yang dipelajari dan bukannya sesuatu yang wujud secara semula jadi. Tingkah laku agresif dipelajari oleh seseorang individu melalui pelbagai cara seperti pemerhatian, peniruan ataupun pengalaman.

Teori Pembelajaran Sosial ini juga adalah bertentangan dengan Hipotesis Kekecewaan- Agresif dan Teori Psikoanalisis Freud yang menyatakan bahawa tingkah laku agresif ialah sesuatu yang sedia ada dalam diri manusia.

Walaupun Teori Pembelajaran Sosial Bandura amat relevan untuk menjelaskan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah pada hari ini tetapi tidak semua tingkah laku tersebut dapat dijelaskannya. Teori Pembelajaran Sosial Bandura tidak dapat menjelaskan tindakan manusia yang bertitik tolak daripada kecelaruan mental, emosi dan nafsu keinginan. Walaupun motif manusia sering kali didorong oleh emosi dan nafsu tetapi cara tindakannya banyak dipengaruhi oleh apa yang dipelajarinya melalui pengalaman dan interaksi dengan persekitarannya.

### **2.8.6 Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian**

Penyelidik memilih teori pembelajaran sosial sebagai model kajian kerana teori ini melihat tingkah laku agresif seperti tingkah laku buli merupakan satu tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Oleh itu pendekatan teori pembelajaran sosial adalah sesuai pada pandangan penyelidik untuk melihat dan menganalisis isu perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah atau rendah kerana pada usia kanak-kanak dan remaja, seseorang individu itu

banyak meneroka dan mempelajari sesuatu termasuklah tingkah laku. Institusi sekolah pula merupakan satu tempat yang paling mempengaruhi dalam proses pembelajaran kanak-kanak. Dan ia juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku buli di kalangan kanak-kanak seperti mana pandangan Olweus (1978) iaitu terdapat empat faktor yang mempengaruhi tingkah laku buli di kalangan pelajar iaitu:

1. Latar belakang sekolah (*School Setting*) seperti saiz sekolah, saiz kelas, kurikulum, guru dan rakan sebaya serta kumpulan sebaya.
2. Karakter luaran pembuli dan mangsa seperti kecacatan fizikal, kegemukan, masalah bahasa dan lemah
3. karakter dalaman pembuli dan mangsa seperti sikap terhadap keganasan, agresif dan sikap sendiri
4. latar belakang sosial ekonomi seperti keadaan keluarga dan kediaman.

Kesemua faktor yang diutarakan oleh Olweus adalah berfungsi melalui persekitaran sosial atau interaksi sosial pelajar dengan persekitarannya seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah dan sebagainya. Faktor-faktor ini bukanlah berfungsi secara semula jadi ke atas tingkah laku individu. Sebaliknya ia berfungsi melalui proses sosial seperti pembelajaran, peniruan dan interaksi.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tingkah laku buli merupakan sebahagian daripada tingkah laku agresif. Atlas dan Pepler (1998) mendapati, kanak-kanak yang dilaporkan agresif menunjukkan tingkah laku buli yang lebih berbanding kanak-kanak yang tidak dilabelkan sebagai agresif. Tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif proaktif iaitu tingkah laku agresif yang bertujuan untuk memenuhi kemahuan dan memperoleh ganjaran (Connor, 2002). Mengikut teori pembelajaran sosial, tingkah laku agresif adalah tingkah laku instrumental yang dikawal oleh peneguhan dan ganjaran luaran (Bandura, 1973). Oleh itu tingkah laku agresif termasuklah buli dilihat sebagai hasil daripada proses pembelajaran dan peniruan terhadap tingkah laku orang lain. Ini adalah berbeza dengan pandangan teori psikoanalitik yang melihat tingkah laku agresif

dalam diri seseorang adalah wujud secara semula atau dan digerakkan oleh naluri seseorang.

Penyelidik juga menggunakan teori pembelajaran sosial sebagai model kajian kerana teori ini juga menekankan peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif seperti buli (Renfrew, 1997). Ibu bapa dan rakan sebaya merupakan model bagi kanak-kanak. Jika ibu bapa menunjukkan tingkah laku agresif di hadapan kanak-kanak, kanak-kanak itu akan meniru tingkah laku tersebut. Rakan sebaya juga boleh menjadi model bagi tingkah laku agresif seperti buli. Salah satu sebab mengapa pemerhati kejadian buli, turut membuli ialah kerana peniruan (Olweus, 1978). Di sekolah, kehidupan dan tingkah laku kanak-kanak amat dipengaruhi oleh rakan sebaya. Rakan sebaya memainkan peranan yang tak kurang penting terhadap perkembangan dan pengekalan tingkah laku buli, sikap anti sosial dan salah laku-salah laku lain di kalangan kanak-kanak (O'Connell, Pepler dan Craig, 1999; Salmivalli et al, 1996).

Penggunaan teori ini dirasakan sesuai kerana tingkah laku buli juga adalah akibat daripada interaksi sosial. Tingkah laku buli melibatkan manipulasi sosial untuk mendatangkan kemudaratan terhadap penerimaan seseorang oleh kumpulan atau rakan-rakan (Crick dan Bigbee, 1998; Olweus, 1993; Owens et al, 2001). Pembuli cuba untuk meyakinkan rakan sebaya mereka untuk menolak atau menyingkirkan individu tertentu daripada kumpulan atau interaksi sosial. Kesan daripada perlakuan ini adalah penolakan atau penyingkiran oleh kumpulan atau rakan terhadap mangsa pada ketika mangsa sangat-sangat menghargai nilai hubungan sosialnya. Tingkah laku buli juga bertujuan untuk memperoleh kuasa atau penerimaan oleh rakan sebaya. Pembuli sering kali dianggap kuat dan berkuasa. Kanak-kanak juga belajar melalui interaksi sosial. Interaksi sosial ini boleh berlaku di sekolah seperti di kelas, di padang permainan dan di kantin atau di rumah. Melalui interaksi sosial inilah kanak-kanak belajar atau meniru perlakuan-perlakuan yang positif seperti menghormati dan tolong-menolong atau pun tingkah laku negatif seperti buli dan mencuri.

Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial juga dianggap sesuai oleh penyelidik kerana Teori Pembelajaran Sosial juga mengambil kira peranan kognitif dalam

pembentukan tingkah laku seseorang individu. Teori pembelajaran sosial merupakan gabungan teori pengukuhan (Rangsangan – tindak balas) dan teori kognitif. Teori pembelajaran sosial menjelaskan bahawa tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif dan persekitaran dan perlakuan manusia lain.

Teori pembelajaran sosial juga dibangunkan berasaskan kepada kajian empirikal. Pada peringkat permulaan pembentukan teori pembelajaran sosial, Bandura (1973) telah menjalankan satu eksperimen di makmal di mana kanak-kanak prasekolah memerhati tingkah laku agresif model dewasa terhadap patung Bobo. Dapatkan daripada eksperimen ini menunjukkan kanak-kanak yang memerhati tingkah laku agresif individu lain sama ada secara langsung atau melalui filem atau melalui kartun akan bertingkah laku agresif selepas itu berbanding kanak-kanak yang tidak memerhatikannya. Banyak kajian yang dijalankan selepas itu menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Bandura tadi (Renfrew, 1997).

## **2.9 Penutup**

Bab ini telah membincangkan beberapa kajian lepas berkaitan dengan definisi perlakuan buli, jenis tingkah laku buli, punca kejadian buli, mangsa buli, indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli. Masalah perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di luar dan dalam negara telah juga di bincang, berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana barat dan Malaysia.

Beberapa teori yang boleh diguna bagi menerangkan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah seperti Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Teori Hipotesis-Kekecewaan, Teori Psikoanalisis, dan Model Interaksi Sosial, telah juga dibincang. Penyelidik juga telah menjelaskan rasional pemilihan Teori Pembelajaran Sosial Bandura sebagai kerangka teori kajian ini.



## **BAB III**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini bertujuan membincangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Ianya dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu reka bentuk kajian, tempat kajian, subjek kajian, instrumentasi, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan analisis data.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian Indeks Perlakuan Buli Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah dan Rendah adalah berbentuk deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kaedah tinjauan. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd. Majid, 1998). Bagi penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Penyelidikan inferensi membolehkan penyelidik membuat ujian hipotesis.

Pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah jenis tingkah laku buli (fizikal, verbal dan antisosial), punca tingkah laku buli (faktor individu, keluarga dan sekolah), ciri-ciri mangsa buli (fizikal dan psikologi) dan peringkat persekolahan (sekolah menengah dan sekolah rendah lokasi

sekolah (bandar dan luar bandar). Pemboleh ubah bersandar pula ialah indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli sekolah.

### **3.2 Lokasi Kajian**

Kajian dilakukan di 16 buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah rendah di empat buah negeri di Malaysia iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Empat buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah dipilih daripada setiap negeri. Empat buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah itu pula, dua buah sekolah di kawasan bandar dan dua buah sekolah di kawasan luar bandar masing-masing.

### **3.3 Subjek Kajian**

#### **3.3.1 Populasi**

Populasi kajian ialah jumlah keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor iaitu 1 749 370 pelajar (KPM, 2005). Jadual 3.3.1 menunjukkan populasi kajian mengikut negeri dan peringkat persekolahan.

**Jadual 3.3.1: Bilangan Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah**

Negeri	Bilangan Pelajar Sekolah rendah	Bilangan Pelajar Sekolah menengah	Jumlah
Johor	373, 738	251, 436	625, 174
Negeri Sembilan	117, 084	91, 762	208, 846
Melaka	88, 716	65,665	154, 381
Selangor	473, 649	287, 320	760, 969
Jumlah	1053187	696 183	1749370

### 3.3.2 Sampel Kajian

Tinjauan sampel dilakukan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan perlakuan buli di sekolah menengah dan sekolah rendah.

Menurut Webster (1985), sampel adalah bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian. Manakala menurut Portney dan Walkin (1993), sampel adalah subset populasi yang dipilih untuk dikaji. Penggunaan saiz sampel menurut Mohd. Majid (1998) perlu digalakkan melebihi 30 unit kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Dengan pertambahan saiz sampel akan lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan saiz sampel adalah berdasarkan formula berikut:

$$S = X^2 NP(1-P) \div d^2 (N-P) + X^2 P(1-P) \text{ di mana}$$

S = saiz sampel

$X^2$  = Jadual Nilai Khi-kuasa dua untuk 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan 3.841

N = saiz populasi

P = nisbah populasi

d= Darjah ketepatan

Walaupun bagaimanapun, bagi memudahkan pengiraan, Krejcie dan Morgan (1970) telah menyediakan Jadual Penentuan Saiz Sampel seperti di lampiran. Dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan saiz sampel kajian berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Oleh sebab populasi melebihi 1 000 000, penyelidik telah mengambil saiz sampel sebanyak 1600 (bagi populasi 1 000 000 saiz sampel minimum ialah 384)

Walaupun begitu hanya, 1395 responden telah mengambilkan soal selidik untuk kajian ini. Disebabkan kekurangan untuk mendapatkan kesemua soalselidik yang dihantar, maka penyelidik telah menggunakan saiz sampel sebanyak 1395 bagi kajian ini. Sampel sebanyak 1395 adalah mencukupi bagi mewakili populasi kajian ini berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Bilangan sampel kajian mengikut negeri dan daerah adalah seperti mana ditunjukkan di jadual 3.3.2.

**Jadual 3.3.2: Bilangan Sampel Kajian Mengikut Negeri dan Daerah**


Negeri	Kawasan	Daerah	Bilangan Sampel		Jumlah
			Sekolah Menengah	Sekolah Rendah	
Johor	Bandar	Johor Baru	112	101	213
	Luar Bandar	Pontian	92	70	162
Melaka	Bandar	Bandar Melaka	101	94	195
	Luar Bandar	Jasin	85	71	156
Negeri Sembilan	Bandar	Seremban	99	97	196
	Luar Bandar	Jempol	80	70	183
Selangor	Bandar	Shah Alam	97	86	183
	Luar Bandar	Tanjung Karang	73	67	140

### 3.4 Kaedah Pensampelan

Penyelidik menggunakan kaedah persampelan rawak kelompok atas kelompok dalam kajian ini. Persampelan kelompok atas kelompok digunakan kerana kaedah persampelan ini membolehkan pemilihan sampel secara kelompok dibuat daripada suatu populasi yang besar (Wiersma, 1995). Dalam kajian ini populasi adalah sangat besar iaitu jumlah keseluruhan pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.

Persampelan rawak kelompok atas kelompok dibuat berdasarkan beberapa peringkat rumpunan kelompok populasi yang memenuhi kehendak penyelidik (Mohamad Najib, 2003). Penyelidik dalam kajian ini mengelompokkan sekolah-sekolah di setiap negeri kepada daerah dan kemudian dikelompokkan lagi mengikut tingkatan. Oleh itu sampel ialah pelajar dalam suatu tingkatan dalam suatu sekolah dalam suatu daerah dalam suatu negeri. Berdasarkan kepada cara ini penyelidik memilih sampel pelajar daripada empat sekolah menengah dan empat sekolah rendah dalam satu daerah di setiap negeri. Dua sekolah menengah dan dua sekolah rendah dalam kawasan bandar dan Dua sekolah menengah dan dua sekolah rendah lagi dalam kawasan luar bandar. Pemilihan pelajar pula berdasarkan kaedah rawak mudah iaitu menggunakan cabutan nombor dalam senarai daftar kelas dalam tingkatan 2 dan tahun 5. Rajah 3.1 menunjukkan persampelan rawak kelompok atas kelompok dibuat dalam kajian ini.

Pengkelasan sesuatu daerah sebagai kawasan bandar atau kawasan luar bandar didasarkan kepada pengkelasan yang dibuat oleh Kementerian pelajaran Malaysia (KPM, 2005).



**Rajah 3.1 : Pensampelan rawak kelompok atas kelompok**

Sumber: diubahsuai daripada Wiersma (1995)

### 3.5 Instrumentasi

Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik laporan sendiri. Soal selidik merupakan instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif (Skager dan Weinberd, 1979). Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, penyelidik menggunakan instrumen berbentuk soal selidik.

laporan sendiri di dalam kajian ini bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah ditentukan terlebih dahulu.

### 3.5.1 Soal Selidik

Satu set soal selidik telah dibina oleh penyelidik bagi mengumpul maklumat dan seterusnya menjawab persoalan kajian. Set soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian :

- A Maklumat diri pelajar
- B Senarai semak kehidupan di sekolah
- C Soal selidik punca buli
- D Soal selidik ciri mangsa buli

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri pelajar. Ia dibentuk sendiri oleh penyelidik dan bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden kajian. Antara perkara-perkara yang dimuatkan untuk mendapatkan data peribadi responden adalah umur, jantina lokasi sekolah dan taraf pendidikan ibu bapa.

Bahagian B adalah soal selidik yang dinamakan Senarai Semak Kehidupan di Sekolah. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik *Life in School Checklist* yang dibina oleh Arora (Thompson et. al., 2002). Soal selidik ini bertujuan untuk mengira indeks pelakuan buli sekolah, mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapan pelakuan Buli di sekolah. Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik ini tidak dilaporkan. Senarai Semak Kehidupan di Sekolah mengandungi 40 item yang terbahagi kepada 4 sub skala iaitu tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal, tingkah laku buli antisosial dan tingkah laku prososial.

Kekerapan perlakuan buli diukur berdasarkan Skala 3 mata yang mempunyai tahap pemarkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.1.

**Jadual 3.5.1 : Skala 3 Mata**

Skala
Tidak pernah
Satu kali
Lebih dari satu kali

Bahagian C adalah soal selidik punca pelakuan buli. Soal selidik punca pelakuan buli dibina sendiri oleh penyelidik dengan mengadaptasi item-item daripada Soal Selidik Tinjauan Buli (*Bully Survey*) yang dibina oleh Swearer (2002), Soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1993) dan Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya (*Multidimensional Peer Victimization Scale*) yang dibina oleh Mynard dan Joseph (2000). Soal selidik punca perlakuan buli bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca perlakuan atau kejadian buli di kalangan pelajar sekolah. Soal selidik ini mengandungi 30 item yang terbahagi kepada 3 sub skala iaitu faktor keluarga, individu dan sekolah. Item dalam bahagian ini akan diukur berdasarkan Skala Likert yang mempunyai 5 tahap pemarkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.2 berikut:

**Jadual 3.5.2 : Skala Likert**

Skala	Gerak Balas Item
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju



Bahagian D adalah soal selidik ciri mangsa buli. Soal selidik ciri mangsa buli dibina sendiri oleh penyelidik dengan mengadaptasi item-item daripada Soal Selidik Tinjauan Buli (*Bully Survey*) yang dibina oleh Swearer (2002) dan Soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1993). Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri mangsa buli di kalangan pelajar sekolah. Soal selidik ini mengandungi 20 item yang terbahagi kepada 2 sub skala iaitu fizikal dan psikologi.

Item dalam bahagian ini akan diukur berdasarkan Skala Likert yang mempunyai 5 tahap pemarkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.3.

**Jadual 3.5.3 : Skala Likert**

<b>Skala</b>	<b>Gerak Balas Item</b>
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Pecahan item mengikut bahagian dan sub skala adalah di tunjukkan pada jadual 3.5.4 di bawah:

**Jadual 3.5.4: Pecahan Item Soal Selidik Perlakuan Buli di Sekolah**

Bahagian	Sub skala	Bilangan item	Item-item
A Maklumat Diri	Maklumat Diri	10	1 hingga 10
B Senarai samak kehidupan di Sekolah	Tingkah laku buli fizikal	10	5, 6, 11, 16, 25, 28, 29, 35, 38, 40
	Tingkah laku buli Verbal	10	2, 4, 7, 9, 13, 15, 20, 32, 36, 37
	Tingkah laku buli antisosial	10	12, 17, 19, 21, 23, 26, 27, 31, 34, 39
	Tingkah laku prososial	10	1, 3, 8, 10, 14, 18, 22, 24, 30, 33
C Punca pelakuan buli	Individu	13	1, 3, 4, 5, 8, 10, 12, 13, 17, 18, 19, 22, 23
	Sekolah	10	9, 14, 15, 20, 21, 24, 26, 27, 28, 30
	Keluarga	7	2, 6, 7, 11, 16, 25, 29
D Ciri mangsa buli	Fizikal	11	1, 3, 4, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19
	Psikologi	9	2, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 20
Jumlah		100	

### 3.5.3 Kaedah Terjemahan Soal Selidik

Kaedah terjemahan untuk soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah terjemahan balik (*back translation*) berdasarkan kepada apa yang di kemukakan Brislin (1980) dan Prieto (1992). Mengikut kaedah terjemahan balik ini instrumen asal dalam Bahasa Inggeris diterjemahkan ke Bahasa Malaysia, kemudian di nilai oleh jawatan kuasa penilaian dan diterjemahkan semula ke Bahasa Inggeris. Terjemahan semula dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris hendaklah dilakukan oleh seorang pakar 'bilingual' yang tidak mempunyai pengalaman dengan instrumen tersebut dan membandingkannya dengan versi Bahasa Inggeris instrumen tersebut. Dalam kajian ini penyelidik mendapatkan pengesahan dari seorang pakar Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Dalam penterjemahan instrumen-instrumen kajian, beberapa perubahan kecil dilakukan bagi menyesuaikan item-item tertentu dengan keperluan persoalan kajian, latar belakang budaya dan persekitaran pelajar di negara ini.

### 3.6 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis. Kajian rintis bertujuan sebagai kajian percubaan atau pra ujian bagi mencuba atau menguji instrumen kajian. Tujuan kajian rintis ini adalah selari dengan pandangan Polit dan rakan (2001) yang menyatakan, kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Baker (1994) pula berpendapat, kajian rintis boleh merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus. Kajian rintis dapat membantu penyelidik memperoleh pertunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga membolehkan penyelidik mengenal pasti apa-apa kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya. Kajian rintis juga memberi peluang

kepada responden untuk memberi komen terhadap instrumen kajian terutama dari segi kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen (Wiersma, 1995).

Selain untuk tujuan di atas, penyelidik menjalankan kajian rintis bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Kebolehpercayaan ialah darjah ketekalan bagi sesuatu instrumen pengukuran (Mohd. Majid, 1994). Instrumen yang mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama atau hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi atau senario yang setara. Melalui kajian rintis juga, penyelidik dapat melihat sejauh manakah soal selidik yang digunakan dapat menghasilkan keputusan yang relevan, mencapai objektif dan menjawab semua persoalan kajian.

Sebelum kajian rintis dijalankan, penyelidik telah mendapatkan pengesahan seorang pakar dalam bidang psikologi atau kaunseling terhadap kesahan kandungan soal selidik kajian ini. Pengesahan kesahan kandungan soalselidik telah dibuat oleh seorang Penolong Kanan Hal ehwal murid yang juga berpengalaman sebagai kaunselor sekolah.

Kajian rintis telah dijalankan di sebuah sekolah menengah di negeri Johor. Sebanyak 30 orang pelajar tingkatan satu telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Mereka telah dikumpulkan pada masa dan tempat yang sama untuk menjawab semua item dalam soal selidik dengan diawasi oleh penyelidik. Penyelidik juga telah memberi penerangan tentang soal selidik sebelum responden menjawab. Responden juga telah diberi peluang untuk bertanya dan meminta penjelasan terhadap pernyataan-pernyataan dalam soalselidik semasa menjawab serta memberi cadangan terhadap soalan-soalan dalam soal selidik. Penyelidik juga telah meminta pandangan daripada beberapa orang kaunselor sekolah dan guru bimbingan (sekolah rendah) berkaitan soal selidik dan kesesuaiannya. Pandangan dan nasihat guru bahasa Melayu sekolah menengah dan sekolah rendah juga telah diminta berkaitan kesesuaian bahasa soal selidik bagi tahap pelajar kedua-dua peringkat persekolahan.

Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 12.0 for Windows* (SPSS). Cronbach Alpha telah diguna bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik kajian. Setelah analisis dibuat, didapati nilai pekali Cronbach Alpha bagi soal selidik bahagian B (Senarai Semak Kehidupan di Sekolah) ialah 0.876; nilai pekali Cronbach Alpha bagi soal selidik bahagian C ( Punca Perlakuan Buli) ialah 0.861; dan nilai pekali Cronbach Alpha bagi soal selidik bahagian D (ciri mangsa buli) ialah 0.786. Nilai pekali Cronbach Alpha bagi kesemua item (keseluruhan soal selidik) ialah 0.877. Jika nilai pekali Cronbach Alpha melebihi 0.6 maka instrumen kajian itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan (Mohamad Najid, 2003) Oleh kerana hasil analisis data menunjukkan nilai pekali Cronbach Alpha bagi semua bahagian soal selidik melebihi 0.6, maka soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian ini. Rajah 3.6 menunjukkan keputusan analisis nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha.

**Jadual 3.6 : Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha**

Soal Selidik	Nilai Cronbach Alpha
Bahagian B: Senarai semak kehidupan disekolah	0.876
Bahagian C: Punca Kejadian Buli	0.861
Bahagian D: Ciri Mangsa Buli	0.788
Keseluruhan	0.877

### 3.7 Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian di sekolah-sekolah, penyelidik terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik mendapatkan

kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor bagi menggunakan pelajar sekolah sebagai sampel kajian.

Proses pengumpulan data pula menggunakan soal selidik yang diedarkan ke sekolah-sekolah melalui guru bimbingan atau kaunselor sekolah. Bagi pengumpulan data di Negeri Johor (kawasan bandar dan luar bandar), Melaka (kawasan bandar) dan Negeri Sembilan (Kawasan Luar bandar) penyelidik pergi sendiri ke sekolah-sekolah terlibat untuk mengedarkan soal selidik dan taklimat pentadbiran kepada pihak sekolah. Bagi negeri Selangor, Melaka (kawasan luar bandar) dan Negeri Sembilan (kawasan bandar), penyelidik mengedarkan soal selidik ke sekolah melalui pos. Borang soal selidik dikembalikan melalui pos juga.

Borang soal selidik di kumpul untuk pemprosesan dan analisis data. Maklumat juga akan didapati daripada buku-buku, jurnal dan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Penyelidik juga mendapatkan maklumat melalui rujukan dokumen di perpustakaan dan pusat sumber seperti artikel-artikel tentang perlakuan buli, jurnal dan projek disertasi terdahulu. Rujukan daripada sumber-sumber ini begitu penting bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan topik kajian.

### **3.8 Pengiraan Indeks Pelakuan Buli Sekolah**

Indeks pelakuan buli sekolah ialah satu nilai, hasil daripada pengiraan statistik berdasarkan data-data diperolehi daripada jawapan responden kepada enam item berikut iaitu item 5: cuba menendang saya, item 9: mengugut untuk mencederakan saya, item 11: memaksa saya memberi duit kepadanya, item 25: cuba mencederakan saya, item 38: cuba merosakkan barangan kepunyaan saya, item 40: cuba memukul saya, (Arora, 1999)

Indeks pelakuan buli sekolah dikira berdasarkan kaedah yang diguna pakai oleh Arora (Thompson et al., 2002) seperti berikut:

- 1 Cari bilangan pelajar yang tanda ‘ / ‘ pada skala ‘lebih daripada sekali’ untuk setiap enam item yang dinyatakan di atas
- 2 Bahagikan bilangan tersebut dengan bilangan senarai semak yang telah dilengkapkan. Kemudian jawapannya didarabkan dengan 100 bagi mendapatkan peratus pelajar yang memberi jawapan kepada setiap item tersebut
- 3 Jumlahkan kesemua 6 peratus di atas dan kemudian bahagikan dengan 6
- 4 Jawapan bagi operasi (3) di atas ialah indeks pelakuan buli sekolah

Contoh pengiraan indeks pelakuan buli sekolah

- i. Dapatkan bilangan pelajar yang tanda ‘ / ‘ pada skala ‘lebih daripada sekali’ untuk setiap enam item yang dinyatakan di atas seperti di jadual 3.8 berikut
- ii. Kemudian bilangan tersebut dibahagi dengan bilangan sampel dan didarab dengan 100 bagi mendapatkan peratus (Seperti di jadual 3.8)
- iii. Jumlahkan keenam-enam peratus tersebut:  
 $10 + 20 + 15 + 5 + 2 + 25 = 77$
- iv. Bahagikan jumlah tersebut dengan 6  
 $77 / 6 = 12.33$
- v. Jawapan bagi langkah (iv) di atas ialah nilai indeks pelakuan buli sekolah iaitu dalam contoh ini ialah 12.33

Jadual 3.8 Contoh Pengiraan

Item	Kenyataan	Bilangan yang tanda ruang lebih dari sekali (X)	Peratus $\frac{X}{N} \times 100$
A	cuba menendang saya (item 5)	100	$100/1000 \times 100$ =10
B	mengugut untuk mencederakan saya (item 9)	200	$200/1000 \times 100$ =20
C	Memaksa saya memberi duit kepadanya (item 11)	150	$150/1000 \times 100$ =15
D	cuba mencederakan saya (item 25)	50	$50/1000 \times 100$ =5
E	cuba merosakkan barangan kepunyaan saya (item 38)	20	$20/1000 \times 100$ =2
f	cuba memukul saya (item 40)	250	$250/1000 \times 100$ =25

Bilangan sampel, n=1000

### 3.9 Tahap Pelakuan Buli di Sekolah

Tahap pelakuan buli sekolah didasarkan kepada indeks pelakuan buli sekolah. Indeks Perlakuan Buli Sekolah ialah satu nilai berupa angka yang terhasil daripada pengiraan statistik. Tahap perlakuan buli pula merupakan kategori nilai tersebut. Nilai Indeks Perlakuan Buli Sekolah yang rendah menunjukkan perlakuan buli di sekolah berada pada tahap rendah. Nilai indeks pelakuan buli sekolah yang tinggi menunjukkan perlakuan buli di sekolah berada pada tahap tinggi (Arora, 1999). Hubungan antara tahap perlakuan buli dan nilai indeks perlakuan buli sekolah adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 3.9 di bawah.



Hubungan antara tahap perlakuan buli dan indeks perlakuan buli sekolah seperti pada jadual 3.9 adalah berasaskan kepada interpretasi skala agresif *The Behavior Assessment System for Children* (2002).

**Jadual 3.9 Indeks Perlakuan Buli Sekolah dan Tahap Perlakuan Buli**

indeks perlakuan buli sekolah	Tahap perlakuan buli
80.00 – 100	Sangat Tinggi
60.00 – 79.99	Tinggi
40.00 – 59.99	Sederhana
20.00 – 39.99	Rendah
0 - 19.99	Sangat Rendah

### 3.10 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan peratus digunakan untuk menentukan taburan sifat dan kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah yang dikaji. Untuk tujuan pengujian hipotesis statistik ujian-t, dan korelasi Pearson digunakan.

Bagi mendapatkan pengukuran perhubungan antara dua pemboleh ubah, penyelidik telah menggunakan interpretasi yang dikemukakan oleh Guilford (1956) seperti ditunjukkan pada rajah 3.10. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah `Statistical Package for the Social Science (SPSS). Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, Jadual 3.10.1 dan Jadual 3.10.2 menunjukkan ringkasan statistik yang digunakan.

**Jadual 3.10 Interpretasi Kekuatan Hubungan**

Nilai pekali korelasi (r)	Interpretasi
0.00 – 0.20	Hubungan yang sangat lemah
0.20 – 0.40	Hubungan yang lemah
0.40 – 0.60	Hubungan yang sederhana
0.60 – 0.80	Hubungan yang kuat
0.80 – 1.00	Hubungan yang sangat kuat


**Jadual 3.10.1: Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian**

Bil	Objektif Kajian	Jenis Statistik
1	Untuk mengenal pasti jenis tingkah laku buli yang paling kerap di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah	Kekerapan, Peratusan, min Sisihan Piawai
2	Untuk mengenal pasti punca-punca kejadian buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah	Kekerapan, Peratusan, min Sisihan Piawai.
3	Untuk mengenal pasti ciri-ciri mangsa buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah	Kekerapan, Peratusan Min, Sisihan Piawai
4	Untuk mengenal pasti indeks perlakuan buli di sekolah menengah dan di sekolah rendah	Kekerapan, Peratusan Min, Sisihan Piawai
5	Untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli di sekolah menengah dan di sekolah rendah berdasarkan indeks perlakuan buli	Kekerapan, Peratusan Min, Sisihan Piawai
6	Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal dan antisosial) di kalangan pelajar sekolah mengikut peringkat persekolahan , lokasi sekolah dan Jantina	Ujian-t
7	Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah mengikut peringkat persekolahan dan okasi sekolah	Ujian-t
8	Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dan indeks tingkah laku buli sekolah	Pearson-r

**Jadual 3.10.2: Jadual Pengujian Hipotesis Kajian**

<b>Bil</b>	<b>Hipotesis Nol Kajian</b>	<b>Jenis Statistik</b>
1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah.	Ujian t
2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar.	Ujian t
3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkahlaku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar lelaki dan perempuan	Ujian t
4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah	Ujian t
5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan Bandar dan sekolah di kawasan luar Bandar	Ujian t
6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan perempuan	Ujian t
7	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli di sekolah menengah dan sekolah rendah	Pearson r

### 3.11 Kerangka kajian



Rajah 3.2 : Kerangka Kajian

### **3.12 Penutup**

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan metodologi kajian yang telah digunakan.

Kajian ini berbentuk deskriptif dan juga inferensi, menggunakan kaedah tinjauan soal selidik sebagai alat mengumpul data. Kaedah pensampelan pula menggunakan kaedah rawak kelompok atas kelompok. Analisis data menggunakan program komputer SPSS. Hasil daripada analisis data dihuraikan pada bab selanjutnya.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Ia merupakan huraian kepada hasil tindakbalas responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Bagi tujuan itu, semua data yang telah diperolehi dianalisis berdasarkan persoalan kajian dan hipotesis yang telah dibina dalam Bab I.

Analisis data dilakukan berasaskan soal selidik yang dijalankan ke atas 1395 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.

#### **4.1 Latar Belakang Responden Kajian**

Responden kajian ini adalah seramai 1395 orang pelajar sekolah menengah dan rendah daripada kawasan bandar dan luar bandar di empat buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.

##### **4.1.1 Negeri**

Jadual 4.1.1 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut negeri. Dapatan kajian menunjukkan responden dari negeri Johor seramai 375 orang (26.9 %), responden dari negeri Melaka seramai 351 orang (25.2 %), responden dari Negeri

Sembilan seramai 346 orang (24.8 %) dan responden dari negeri Selangor seramai 323 orang (23.2 %).

**Jadual 4.1.1 : Taburan bilangan responden mengikut negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Johor	375	26.9
Melaka	351	25.2
Negeri Sembilan	347	24.8
Selangor	323	23.1
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>

#### **4.1.2 Peringkat Persekolahan**

Jadual 4.1.2 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peringkat persekolahan. Responden pelajar sekolah menengah ialah seramai 739 orang (53 %) dan seramai 656 (47 %) responden terdiri daripada pelajar sekolah rendah

**Jadual 4.1.2 : Taburan bilangan responden mengikut peringkat persekolahan**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Sekolah menengah	739	53
Sekolah rendah	656	47
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>

### 4.1.3 Jantina

Jadual 4.1.3 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan seramai 783 orang (56.1 %) adalah pelajar lelaki manakala seramai 612 orang (43.9 %) adalah pelajar perempuan.

**Jadual 4.1.3 : Taburan bilangan responden mengikut jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	783	56.1
Perempuan	612	43.9
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>

### 4.1.4 Lokasi sekolah

Jadual 4.1.4 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Hasil kajian menunjukkan seramai 787 orang (56.4 %) responden terdiri daripada pelajar sekolah kawasan bandar manakala seramai 608 orang (43.6 %) responden adalah pelajar sekolah kawasan luar bandar.

**Jadual 4.1.4 : Taburan bilangan responden kawasan sekolah**

<b>Lokasi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	787	56.4
Luar Bandar	608	43.6
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>



#### 4.1.5 Kaum

Jadual 4.1.5 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut kaum. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada kaum melayu iaitu sebanyak 955 orang (68.5 %) berbanding dengan kaum lain iaitu kaum cina seramai 344 orang (24.7 %), kaum india seramai 94 orang (6.7 %) dan lain-lain kaum seramai dua orang (0.1 %).

**Jadual 4.1.5 : Taburan bilangan responden mengikut kaum**

<b>Kaum</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	955	68.5
Cina	344	24.7
India	94	6.7
Lain-lain	2	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>

#### 4.1.6 Umur

Jadual 4.1.6 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut umur. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar berumur 12 tahun iaitu seramai 479 orang (34.3 %), diikuti responden berumur 14 tahun seramai 201 orang (14.4 %), responden berumur 13 tahun seramai 195 orang (13.8 %), responden berumur 11 tahun seramai 165 orang (11.8 %), responden berumur 17 tahun seramai 138 orang (9.9 %), responden berumur 16 tahun seramai 129 orang (9.2 %), responden berumur 15 tahun seramai 78 orang (5.6 %) dan paling sedikit responden berumur 10 tahun seramai 12 orang (0.9%). Min umur responden ialah 13.32 dan sisihan piawai ialah 1.891. Julat umur responden adalah tujuh dengan umur terbesar ialah 17 tahun dan terkecil 10 tahun.

**Jadual 4.1.6 : Taburan bilangan responden mengikut umur**

<b>Umur (tahun)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
10	12	0.9
11	165	11.8
12	479	34.3
13	193	13.8
14	201	14.4
15	78	5.6
16	129	9.2
17	138	9.9
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100%</b>

Min = 13.32    Sisihan piawai = 1.891    minimum = 10    maksimum = 17    Julat = 7

#### **4.1.7 Tahap penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum**

Jadual 4.1.7 menunjukkan taburan responden mengikut tahap penglibatan mereka dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Aktiviti ko-kurikulum di sekolah di bahagikan kepada empat bidang iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan, kesenian dan kebudayaan, serta pasukan beruniform. Seramai 232 orang (16.6 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti sukan dan permainan. Seramai 838 orang (60.1 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti sukan dan permainan, dan seramai 325 orang (23.3 %) responden pula adalah tidak aktif.

Seramai 149 orang (10.6 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti kelab dan persatuan. Seramai 983 orang (70.5 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti kelab dan permainan, dan seramai 263 orang (18.9 %) responden pula adalah tidak aktif.

Seramai 122 orang (8.7 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Seramai 565 orang (40.5 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan, dan seramai 708 orang (50.8 %) responden pula adalah tidak aktif.

Seramai 259 orang (18.6%) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti pasukan beruniform. Seramai 817 orang (58.6 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti pasukan beruniform, dan seramai 339 orang (22.9 %) responden pula adalah tidak aktif.

**Jadual 4.1.7 Taburan responden mengikut tahap penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum**

Aktiviti ko-kurikulum	Tahap penglibatan					
	Tidak Aktif		Aktif		Sangat Aktif	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
<b>Sukan dan permainan</b>	<b>325</b>	<b>23.3</b>	<b>838</b>	<b>60.1</b>	<b>232</b>	<b>16.6</b>
<b>Kelab dan persatuan</b>	<b>263</b>	<b>18.9</b>	<b>983</b>	<b>70.5</b>	<b>149</b>	<b>10.6</b>
<b>Kesenian dan kebudayaan</b>	<b>708</b>	<b>50.8</b>	<b>565</b>	<b>40.5</b>	<b>122</b>	<b>8.7</b>
<b>Pasukan beruniform</b>	<b>319</b>	<b>22.9</b>	<b>817</b>	<b>58.6</b>	<b>259</b>	<b>18.6</b>

**n = 1395**

## **4.2 Analisis Deskriptif**

### **4.2.1 Persoalan Kajian 1 : Apakah jenis tingkah laku buli yang kerap Di kalangan pelajar sekolah?**

#### **4.2.1(a) Taburan responden bagi kekerapan tingkah laku buli fizikal**

Jadual 4.2.1(a) menunjukkan taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli fizikal. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “mengusik saya” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku dengan min skor 2.24 dan sisihan piawai 0.87. Terdapat seramai 745 atau 53.4 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 247 atau 17.7 % orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 403 atau 28.9% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “menggambil barang kepunyaan saya” merupakan tingkah laku buli fizikal yang kedua kerap berlaku dengan min skor 2.16 dan sisihan piawai 0.87. Terdapat seramai 664 atau 47.6 % orang responden melaporkan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 294 atau 21.1 % orang responden pula melaporkan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 437 atau 31.3% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “menolak saya” merupakan tingkah laku buli fizikal yang ketiga kerap berlaku di sekolah dengan min skor 2.04 dan sisihan piawai 0.87. Analisis data menunjukkan terdapat seramai 568 atau 40.7 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 322 atau 23.1 % orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 505 atau 36% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “menarik baju saya” juga merupakan tingkah laku buli fizikal yang kerap berlaku di sekolah dengan min skor 1.96 dan sisihan piawai 0.87. Seterusnya pernyataan “Cuba menendang saya” min skor 1.79 dan sisihan piawai 0.87; pernyataan “Cuba merosakan barangan kepunyaan saya” min skor 1.79 dan sisihan piawai 0.86; pernyataan “Cuba memukul saya” min skor 1.78 dan sisihan piawai 0.87 dan pernyataan “Memaksa saya beri duit kepadanya” min skor 1.32 dan sisihan piawai 0.65 merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kurang kerap terjadi di sekolah.

**Jadual 4.2.1(a): Taburan responden mengikut, peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli fizikal**

(n = 1395)

Berapa kerapkah pelajar lain melakukan perkara berikut terhadap anda di sekolah sepanjang tahun ini?	Tidak pernah	Satu kali	Lebih dari satu kali	Min	SP
Cuba menendang saya	711 (51%)	261 (18.7%)	423 (30.3%)	1.79	0.87
Menolak saya	505 (36%)	322 (23.1%)	568 (40.7%)	2.04	0.87
Memaksa saya beri duit kepadanya	1090 (78.1%)	161 (11.5%)	144 (10.3%)	1.32	0.65
Mengusik saya	403 (28.9%)	247 (17.7%)	745 (53.4%)	2.24	0.87
Cuba mencederakan saya	1051 (75.3%)	148 (10.6%)	196 (14.1%)	1.38	0.72
Menarik baju saya	559 (40.1%)	329 (23.6%)	507 (36.3%)	1.96	0.87
Mengambil barang kepunyaan saya	437 (31.3%)	294 (21.1%)	664 (47.6%)	2.16	0.87
Menghalang saya bermain dengan rakan lain	936 (67.1%)	197 (14.1%)	262 (18.8%)	1.51	0.79
Cuba merosakan barangan kepunyaan saya	694 (49.7%)	297 (21.3%)	404 (29.0%)	1.79	0.86
Cuba memukul saya	713 (51.1%)	268 (19.2%)	414 (29.7%)	1.78	0.87

min keseluruhan = 1.85

sisihan piawai (SP) keseluruhan = 0.55

#### 4.2.1 (b) Taburan responden bagi kekerapan tingkah laku buli verbal

Jadual 4.2.1(b) menunjukkan taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli verbal. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “Memanggil saya dengan nama lain yang tidak saya suka” merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kerap berlaku dengan min skor 2.23 dan sisihan piawai 0.90. Terdapat seramai 767 atau 55.0 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 185 atau 13.3 % orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 443 atau 31.8% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “menanya saya soalan bodoh” merupakan tingkah laku buli verbal yang kedua kerap berlaku dengan min skor 2.09 dan sisihan piawai 0.87. Terdapat seramai 607 atau 43.5 % orang responden melaporkan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 307 atau 22.0 % orang responden pula melaporkan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 481 atau 34.5% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “Memarahi saya” merupakan tingkah laku buli verbal yang ketiga kerap berlaku di sekolah dengan min skor 2.08 dan sisihan piawai 0.88. Analisis data menunjukkan terdapat seramai 612 atau 43.9 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 292 atau 20.9% orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 491 atau 35.2 % mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “Menjerit pada saya” merupakan tingkah laku buli verbal yang keempat kerap berlaku di sekolah dengan min skor 2.01 dan sisihan piawai 0.87. Analisis data menunjukkan terdapat seramai 550 atau 39.4 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 316 atau 22.7% orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan

tersebut di sekolah dan sebanyak 529 atau 37.9 % mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “Mentertawakan saya” juga merupakan tingkah laku buli verbal yang kerap berlaku di sekolah dengan min skor 1.98 dan sisihan piawai 0.89. Seterusnya pernyataan “Mengugut untuk bercerita tentang saya pada orang lain” min skor 1.57 dan sisihan piawai 0.81; pernyataan “Menghina saya kerana saya berbeza darinya” min skor 1.53 dan sisihan piawai 0.82; pernyataan “Menghina keluarga saya” min skor 1.51 dan sisihan piawai 0.78 dan pernyataan “mengugut saya secara berkumpulan” min skor 1.22 dan sisihan piawai 0.55 merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kurang kerap terjadi di sekolah.

**Jadual 4.2.1(b): Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli verbal  
(n = 1395)**

Berapa kerapkah pelajar lain melakukan perkara berikut terhadap anda di sekolah sepanjang tahun ini?	Tidak pernah	Satu kali	Lebih dari satu kali	Min	SP
Memanggil saya dengan nama lain yang tidak saya suka	443 (31.8%)	185 (13.3%)	767 (55.0%)	2.23	0.90
Menghina keluarga saya	939 (67.3%)	197 (14.1%)	259 (18.6%)	1.51	0.78
Menghina saya kerana saya berbeza darinya	930 (66.7%)	190 (13.6%)	275 (19.7%)	1.53	0.82
Mengugut untuk mencederakan saya	1107 (79.4%)	160 (11.5%)	128 (9.2%)	1.29	0.62
Menanya saya soalan bodoh	481 (34.5%)	307 (22.0%)	607 (43.5%)	2.09	0.87
Memarahi saya	491 (35.2%)	292 (20.9%)	612 (43.9%)	2.08	0.88
Mengugut saya secara berkumpulan	1176 (84.3%)	124 (8.9%)	95 (6.8%)	1.22	0.55
Menjerit pada saya	529 (37.9%)	316 (22.7%)	550 (39.4%)	2.01	0.87
Mentertawakan saya	574 (41.1%)	267 (19.1%)	553 (39.7%)	1.98	0.89
Mengugut untuk bercerita tentang saya pada orang lain	884 (63.4%)	215 (15.4%)	296 (21.2%)	1.57	0.81

min keseluruhan = 1.81

sisihan piawai (SP) keseluruhan= 0.51

#### 4.2.1 (c) Taburan responden bagi kekerapan tingkah laku buli antisosial

Jadual 4.2.1(b) menunjukkan taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli antisosial. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “Membohongi saya” merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap berlaku dengan min skor 2.19 dan sisihan piawai 0.87. Terdapat seramai 699 atau 50.1% orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 266 atau 19.1 % orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 430 atau 30.8 % mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “Cuba menipu saya” merupakan tingkah laku buli anti sosial yang kedua kerap berlaku dengan min skor 1.95 dan sisihan piawai 0.86. Terdapat seramai 494 atau 35.4 % orang responden melaporkan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 351 atau 25.2 % orang responden pula melaporkan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 550 atau 39.4% mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.

Pernyataan “Bercakap bohong tentang saya” merupakan tingkah laku buli antisosial yang ketiga kerap berlaku di sekolah dengan min skor 1.86 dan sisihan piawai 0.88. Analisis data menunjukkan terdapat seramai 462 atau 33.1 % orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 279 atau 20.0% orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 654 atau 46.9 % mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah. Pernyataan “cuba menakutkan saya” merupakan tingkah laku buli anti sosial yang keempat kerap berlaku di sekolah dengan min skor 1.67 dan sisihan piawai 0.82 . Analisis data menunjukkan terdapat seramai 320 atau 22.9% orang responden menyatakan mereka lebih dari sekali mengalami perlakuan tersebut di sekolah, 295 atau 21.1% orang responden pula menyatakan mereka satu kali mengalami perlakuan tersebut di sekolah dan sebanyak 780 atau 55.9 % mengatakan mereka tidak pernah mengalami perlakuan tersebut di sekolah.



Pernyataan “Memaksa saya membuat sesuatu yang saya tidak suka” juga merupakan tingkah laku buli antisosial yang kerap berlaku di sekolah dengan min skor 1.65 dan sisihan piawai 0.84. Seterusnya pernyataan “Cuba melibatkan saya dalam masalah” min skor 1.64 dan sisihan piawai 0.80; pernyataan “Tidak memperdulikan saya” min skor 1.59 dan sisihan piawai 0.79; pernyataan “Mempersendakan warna kulit saya” min skor 1.47 dan sisihan piawai 0.74 dan pernyataan “Cuba membuat saya mencederakan orang lain” min skor 1.31 dan sisihan piawai 0.64 merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kurang kerap terjadi di sekolah.

**Jadual 4.2.1(c): Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli antisosial (n = 1395)**

Berapa kerapkah pelajar lain melakukan perkara berikut terhadap anda di sekolah sepanjang tahun ini?	Tidak pernah	Satu kali	Lebih dari satu kali	Min	SP
Cuba menakutkan saya	780 (55.9%)	295 (21.1%)	320 (22.9%)	1.67	0.82
Menjadikan saya bahan ejekkan	785 (56.3%)	225 (16.1%)	385 (27.6%)	1.71	0.87
Membohongi saya	430 (30.8%)	266 (19.1%)	699 (50.1%)	2.19	0.87
Cuba membuat saya mencederakan orang lain	1101 (78.9%)	150 (10.8%)	144 (10.3%)	1.31	0.64
Cuba melibatkan saya dalam masalah	780 (55.9%)	324 (23.2%)	291 (20.9%)	1.64	0.80
Tidak memperdulikan saya	838 (60.1%)	286 (20.5%)	271 (19.4%)	1.59	0.79
Memaksa saya membuat sesuatu yang saya tidak suka	817 (58.6%)	240 (17.2%)	338 (24.2%)	1.65	0.84
Mempersendakan warna kulit saya	953 (68.3%)	226 (16.2%)	216 (15.5%)	1.47	0.74
Cuba menipu saya	550 (39.4%)	351 (25.2%)	494 (35.4%)	1.95	0.86
Bercakap bohong tentang saya	654 (46.9%)	279 (20.0%)	462 (33.1%)	1.86	0.88

min keseluruhan = 1.74      sisihan piawai (SP) keseluruhan = 0.52

#### **4.2.2 Persoalan Kajian 2: Apakah punca-punca kejadian buli di sekolah menengah dan rendah?**

##### **4.2.2(a) Punca kejadian buli - Faktor Individu**

Jadual 4.2.2(a) menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli – faktor individu. Berdasarkan jadual 4.2.2(a) didapati pernyataan “membalas dendam” mencatatkan min skor tertinggi iaitu 3.61 dan sisihan piawai 1.37. Seramai 460 (33.0%) responden sangat bersetuju dan 436 (31.3%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 177 (12.7%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 141(10.1%) responden pula tidak bersetuju dan 181 (13.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “untuk menunjuk dirinya kuat” mencatatkan min skor kedua tertinggi iaitu 3.41 dan sisihan piawai 1.44. Seramai 407 (29.2%) responden sangat bersetuju dan 408 (29.2%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 173 (12.4%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 167(12.0%) responden pula tidak bersetuju dan 240 (17.2%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “badannya lebih besar” mencatatkan min skor ketiga tertinggi iaitu 3.36 dan sisihan piawai 1.39. Seramai 333 (23.9%) responden sangat bersetuju dan 481 (34.5%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 147 (10.5%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 224(16.1%) responden pula tidak bersetuju dan 210 (15.1%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “untuk mendapatkan wang” mencatatkan min skor keempat tertinggi iaitu 3.33 dan sisihan piawai 1.38. Seramai 340 (24.4%) responden sangat bersetuju dan 406 (29.1%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 248 (17.8%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 182 (13.0%) responden pula tidak bersetuju dan 219 (15.7%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “untuk keseronokan” mencatatkan min skor 3.32 dan sisihan piawai 1.37. Seramai 304 (21.8%) responden sangat bersetuju dan 479 (34.3%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 198 (14.2%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 198 (14.2%) responden pula tidak bersetuju dan 219 (15.7%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “pernah dibuli oleh pelajar lain” mencatatkan min skor 3.30 dan sisihan piawai 1.36. Seramai 314 (22.5%) responden sangat bersetuju dan 418 (30.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 266 (19.1%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 179 (12.8%) responden pula tidak bersetuju dan 218 (15.6%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “umurnya lebih tua” mencatatkan min skor 3.19 dan sisihan piawai 1.38. Seramai 314 (22.5%) responden sangat bersetuju dan 418 (30.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 266 (19.1%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 179 (12.8%) responden pula tidak bersetuju dan 218 (15.6%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 4.2.2(a): Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (faktor individu)**

(n=1395)

Pernyataan	1	2	3	4	5	min	SP
Pelajar membuli pelajar lain kerana	Tidak setuju		TP	Setuju			
Badannya lebih besar	210 (15.1%) 31.2%	224 (16.1%)	147 (10.5%)	481 (34.5%) 58.4%	333 (23.9%)	3.36	1.39
Dirinya nampak kelakar	306 (21.9%) 43.3%	298 (21.4%)	437 (31.3%)	257 (18.4%) 25.4%	97 (7.0%)	2.67	1.20
Umurnya lebih tua	226 (16.2%) 34.1%	250 (17.9%)	245 (17.6%)	369 (26.5%) 48.4%	305 (21.9%)	3.19	1.38
Membalas dendam	181 (13.0%) 23.1%	141 (10.1%)	177 (12.7%)	436 (31.3%) 64.3%	460 (33.0%)	3.61	1.37
Tidak mempunyai kawan	307 (22.0%) 46.9%	348 (24.9%)	403 (28.9%)	211 (15.1%) 24.1%	126 (9.0%)	2.64	1.23
Tubuhnya yang kecil	377 (27.0%) 49.7%	316 (22.7%)	249 (17.8%)	252 (18.1%) 32.5%	201 (14.4%)	2.70	1.40
Disuruh oleh rakan	226 (16.2%) 36.1%	277 (19.9%)	220 (15.8%)	464 (33.3%) 48.2%	208 (14.9%)	3.10	1.32
Untuk keseronokan	219 (15.7%) 29.9%	198 (14.2%)	195 (14.0%)	479 (34.3%) 56.1%	304 (21.8%)	3.32	1.37
Untuk menunjuk dirinya kuat	240 (17.2%) 29.2%	167 (12.0%)	173 (12.4%)	408 (29.2%) 58.4%	407 (29.2%)	3.41	1.44
Pernah dibuli oleh pelajar lain	218 (15.6%) 28.4%	179 (12.8%)	266 (19.1%)	418 (30.0%) 52.5%	314 (22.5%)	3.30	1.36
Untuk mendapatkan wang	219 (15.7%) 28.7%	182 (13.0%)	248 (17.8%)	406 (29.1%) 53.5%	340 (24.4%)	3.33	1.38
Tidak suka padanya	186 (13.3%) 29.2%	222 (15.9%)	357 (25.6%)	375 (26.8%) 45.2%	256 (18.4%)	3.20	1.28

Min keseluruhan = 3.14

sisihan piawai(SP)=0.70

1=sangat tidak setuju 2= tidak setuju 3=tidak pasti 4=setuju 5= sangat tidak setuju

#### **4.2.2(b) Punca kejadian buli - Faktor sekolah**

Jadual 4.2.2(b) menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli – faktor sekolah. Berdasarkan jadual 4.2.2(b) didapati pernyataan “kerap dimarahi oleh guru” mencatatkan min skor tertinggi iaitu 3.26 dan sisihan piawai 1.41. Seramai 328 (23.5%) responden sangat bersetuju dan 418 (30.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 188 (13.5%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 224(16.1%) responden pula tidak bersetuju dan 237 (17.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “semua rakan di sekolah suka membuli orang lain” mencatatkan min skor kedua tertinggi iaitu 3.21 dan sisihan piawai 1.48. Seramai 352 (25.2%) responden sangat bersetuju dan 387 (27.7%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 135 (9.7%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 268 (19.2%) responden pula tidak bersetuju dan 268 (19.2%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “tidak minat untuk belajar” mencatatkan min skor ketiga tertinggi iaitu 3.13 dan sisihan piawai 1.32. Seramai 244 (17.5%) responden sangat bersetuju dan 373 (26.7%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 331(23.7%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 219 (15.7%) responden pula tidak bersetuju dan 228 (16.3%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 4.2.2(b): Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (Faktor sekolah)**

(n=1395)

Pernyataan	1	2	3	4	5	min	SP
Pelajar membuli pelajar lain kerana	Tidak setuju		TP	Setuju			
Kerap dimarahi oleh guru	237 (17.0%) 33.1%	224 (16.1%)	188 (13.5%)	418 (30.0%) 53.5%	328 (23.5%)	3.26	1.41
Tidak ada kawan dalam kelas	334 (23.9%) 48%	336 (24.1%)	438 (31.4%)	186 (13.3%) 20.5%	101 (7.2%)	2.55	1.19
Boleh dapat ramai kawan di sekolah	360 (25.8%) 44.1%	255 (18.3%)	328 (23.5%)	265 (19.0%) 32.4%	187 (13.4%)	2.75	1.37
Guru tidak pernah marah perbuatannya	403 (28.9%) 48.4%	272 (19.5%)	362 (25.9%)	187 (13.4%) 25.7%	171 (12.3%)	2.60	1.34
Mempunyai ramai kawan di sekolah	281 (20.1%) 46.9%	244 (17.5%)	188 (13.5%)	370 (26.5%) 24.1%	312 (22.4%)	3.13	1.45
Rakan sekelas tidak menyukainya	208 (14.9%) 32.2%	242 (17.3%)	476 (34.1%)	301 (21.6%) 33.6%	168 (12.0%)	2.98	1.21
Tidak suka berada dalam kelas	245 (17.6%) 38%	284 (20.4%)	422 (30.3%)	301 (21.6%) 31.9%	143 (10.3%)	2.86	1.23
Tidak minat untuk belajar	228 (16.3%) 32%	219 (15.7%)	331 (23.7%)	373 (26.7%) 44.2%	244 (17.5%)	3.13	1.32
Semua rakan di sekolah suka membuli orang lain	268 (19.2%) 37.3%	253 (18.1%)	135 (9.7%)	387 (27.7%) 52.9%	352 (25.2%)	3.21	1.48
Guru tidak ambil tahu tentang perbuatannya	350 (25.1%) 42.2%	238 (17.1%)	408 (29.2%)	196 (14.1%) 28.7%	203 (14.6%)	2.75	1.35

Min keseluruhan = 2.90

sisihan piawai(SP) = 0.69

1=sangat tidak setuju 2= tidak setuju 3=tidak pasti 4=setuju 5= sangat tidak setuju

#### 4.2.2(c) Punca kejadian buli - Faktor keluarga

Jadual 4.2.2(c) menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli – faktor keluarga. Berdasarkan jadual 4.2.2(b) didapati pernyataan “ibu bapa tak pernah ambil tahu perbuatannya” mencatatkan min skor tertinggi iaitu 3.09 dan sisihan piawai 1.27. Seramai 231(16.6%) responden sangat bersetuju dan 311 (22.3%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 418 (30.0%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 233(16.7%) responden pula tidak bersetuju dan 202 (14.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “kerap dimarahi oleh ibu bapa ” mencatatkan min skor kedua tertinggi iaitu 2.90 dan sisihan piawai 1.24. Seramai 161 (11.5%) responden sangat bersetuju dan 282 (20.2%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 462 (33.2%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 239 (17.1%) responden pula tidak bersetuju dan 251 (18.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “ibu bapa tak pernah marah perbuatannya” mencatatkan min skor ketiga tertinggi iaitu 2.81 dan sisihan piawai 1.25. Seramai 153 (11.0%) responden sangat bersetuju dan 253 (18.1%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 453(32.5%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 252 (18.1%) responden pula tidak bersetuju dan 284 (20.4%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “selalu bergaduh dengan adik beradiknya” mencatatkan min skor 2.72 dan sisihan piawai 1.12. Seramai 78 (5.6%) responden sangat bersetuju dan 245 (17.6%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 549 (39.4%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 258 (18.5%) responden pula tidak bersetuju dan 265 (19.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 4.2.2(c): Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (Faktor keluarga)**

(n=1395)

Pernyataan	1	2	3	4	5	min	SP
Pelajar membuli pelajar lain kerana	Tidak setuju		TP	setuju			
Tidak suka berada di rumah	390 (28.0%) 48.8%	290 (20.8%)	385 (27.6%)	223 (16.0%) 23.7%	107 (7.7%)	2.54	1.26
Ibu bapa tak pernah ambil tahu perbuatannya	202 (14.5%) 31.2%	233 (16.7%)	418 (30.0%)	311 (22.3%) 38.9%	231 (16.6%)	3.09	1.27
Tidak disayangi oleh keluarga	327 (23.4%) 42.4%	265 (19.0%)	483 (34.6%)	206 (14.8%) 23%	114 (8.2%)	2.65	1.21
Kerap dimarahi oleh ibu bapa	251 (18.0%) 35.1%	239 (17.1%)	462 (33.2%)	282 (20.2%) 31.7%	161 (11.5%)	2.90	1.24
Ibu bapa tidak memberinya wang untuk ke sekolah	369 (26.5%) 49.2%	317 (22.7%)	363 (26.0%)	229 (16.4%) 24.8%	117 (8.4%)	2.57	1.26
Selalu bergaduh dengan adik beradiknya	265 (19.0%) 37.5%	258 (18.5%)	549 (39.4%)	245 (17.6%) 23.2%	78 (5.6%)	2.72	1.12
Ibu bapa tak pernah marah perbuatannya	284 (20.4%) 38.5%	252 (18.1%)	453 (32.5%)	253 (18.1%) 29.1%	153 (11.0%)	2.81	1.25

Min keseluruhan = 2.75

sisihan piawai(SP) = 0.70

1=sangat tidak setuju 2= tidak setuju 3=tidak pasti 4=setuju 5= sangat tidak setuju

Punca kejadian buli berdasarkan faktor individu menunjukkan min skor keseluruhan tertinggi iaitu 3.14 dan sisihan piawai 0.70 berbanding punca kejadian buli berdasarkan faktor sekolah, min skor keseluruhannya 2.90 dan sisihan piawai 0.69 dan punca kejadian buli berdasarkan faktor keluarga menunjukkan min skor keseluruhan terendah iaitu 2.75 dan sisihan piawai 0.70.



### 4.2.3 Persoalan Kajian 3: Apakah ciri-ciri mangsa buli di sekolah Menengah dan sekolah rendah?

#### 4.2.3(a) ciri fizikal

Jadual 4.2.3(a) menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri fizikal mangsa buli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “umurnya lebih muda” mempunyai min skor tertinggi iaitu 3.48 dan sisihan piawai 1.28. Seramai 344 (24.6%) responden sangat bersetuju dan 474 (34.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 250 (17.9%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 171 (12.3%) responden pula tidak bersetuju dan 156 (11.2%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia membawa banyak duit ke sekolah” mencatatkan min skor kedua tertinggi iaitu 3.17 dan sisihan piawai 1.28. Seramai 256 (18.4%) responden sangat bersetuju dan 336 (24.1%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 386 (27.7%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 229 (16.4%) responden pula tidak bersetuju dan 188 (13.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “dia seorang yang sombong” mencatatkan min skor ketiga tertinggi iaitu 3.14 dan sisihan piawai 1.33. Seramai 360 (18.6%) responden sangat bersetuju dan 350 (25.1%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 342 (24.5%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 212 (15.2%) responden pula tidak bersetuju dan 231 (16.6%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia seorang yang pendiam” mencatatkan min skor keempat tertinggi iaitu 3.12 dan sisihan piawai 1.42. Seramai 289 (20.7%) responden sangat bersetuju dan 368 (26.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 225 (16.1%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 248 (17.8%) responden pula tidak bersetuju dan 265 (19.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “dia bertubuh kecil” mencatatkan min skor 3.10 dan sisihan piawai 1.35. Seramai 250 (17.9%) responden sangat bersetuju dan 363 (25.9%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 232 (16.6%) responden pula tidak pasti dengan

pernyataan tersebut. Seramai 242 (17.3%) responden pula tidak bersetuju dan 248 (18.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia tidak suka bersukan” mencatatkan min skor 3.30 dan sisihan piawai 1.45. Seramai 298 (21.4%) responden sangat bersetuju dan 355 (25.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 183 (13.1%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 275 (19.7%) responden pula tidak bersetuju dan 284 (20.4%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 4.2.3(a): Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri fizikal mangsa buli (n=1395)**

Pernyataan	1	2	3	4	5	min	SP
Seseorang pelajar dibuli kerana	Tidak setuju		TP	setuju			
Tubuhnya yang gemuk	386 (27.7%) 46.8%	266 (19.1%)	302 (21.6%)	268 (19.2%) 31.6%	173 (12.4%)	2.69	1.37
Dirinya nampak kelakar	246 (17.6%) 34.2%	232 (16.6%)	456 (32.7%)	313 (22.4%) 33%	148 (10.6%)	2.94	1.23
Umurnya lebih muda	156 (11.2%) 23.5%	171 (12.3%)	250 (17.9%)	474 (34.0%) 58.6%	344 (24.6%)	3.48	1.28
Dia bertubuh kecil	248 (18.5%) 35.8%	242 (17.3%)	232 (16.6%)	363 (25.9%) 43.8%	250 (17.9%)	3.10	1.35
Dia tidak suka bersukan	284 (20.4%) 40.1%	275 (19.7%)	183 (13.1%)	355 (25.4%) 46.8%	298 (21.4%)	3.09	1.45
Dia membawa banyak duit ke sekolah	188 (13.5%) 29.9%	229 (16.4%)	386 (27.7%)	336 (24.1%) 42.5%	256 (18.4%)	3.17	1.28
Dia bercakap banyak dalam kelas	237 (17.0%) 37.3%	283 (20.3%)	479 (34.3%)	253 (18.1%) 28.4%	143 (10.3%)	2.84	1.20
Dia seorang yang sombong	231 (16.6%) 31.8%	212 (15.2%)	342 (24.5%)	350 (25.1%) 43.7%	360 (18.6%)	3.14	1.33
Dia memiliki wajah yang hodoh	270 (19.4%) 39%	274 (19.6%)	428 (30.7%)	229 (16.4%) 30.3%	194 (13.9%)	2.85	1.29
Dia mempunyai kecacatan fizikal	312 (22.4%) 41.1%	261 (18.7%)	430 (30.8%)	199 (14.3%) 28.1%	193 (13.8%)	2.78	1.31
Dia seorang yang pendiam	265 (19.0%) 36.8%	248 (17.8%)	225 (16.1%)	368 (26.4%) 47.1	289 (20.7%)	3.12	1.42

Min keseluruhan = 3.02

sisihan piawai(SP)=0.65

1=sangat tidak setuju 2= tidak setuju 3=tidak pasti 4=setuju 5= sangat tidak setuju

#### 4.2.3(b) ciri psikologi

Jadual 4.2.3(b) menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri psikologi mangsa buli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “dia disayangi oleh semua guru” mempunyai min skor tertinggi iaitu 3.46 dan sisihan piawai 1.34. Seramai 383(27.5%) responden sangat bersetuju dan 421 (30.2%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 216 (15.5%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 210 (15.1%) responden pula tidak bersetuju dan 165 (11.8%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia tidak pernah dimarahi oleh guru” mencatatkan min skor kedua tertinggi iaitu 3.14 dan sisihan piawai 1.418. Seramai 300 (21.5%) responden sangat bersetuju dan 363 (26.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 232 (16.6%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 242 (17.3%) responden pula tidak bersetuju dan 258 (18.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “dia tidak mempunyai kawan dalam kelas” mencatatkan min skor ketiga tertinggi iaitu 3.10 dan sisihan piawai 1.40. Seramai 271 (19.4%) responden sangat bersetuju dan 375 (26.9%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 257 (18.4%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 220 (15.8%) responden pula tidak bersetuju dan 272 (19.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia disayangi oleh keluarga” mencatatkan min skor keempat tertinggi iaitu 3.08 dan sisihan piawai 1.22. Seramai 215 (15.4%) responden sangat bersetuju dan 282 (20.2%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 491 (35.2%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 219 (15.7%) responden pula tidak bersetuju dan 188 (13.5%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “dia seorang pelajar yang pandai” mencatatkan min skor 3.04 dan sisihan piawai 1.28. Seramai 227 (16.3%) responden sangat bersetuju dan 286 (30.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 424 (30.4%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 236 (16.9%) responden pula tidak bersetuju dan 222 (15.9%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “dia tidak disukai oleh rakan-rakan dalam kelas” mencatatkan min skor 3.00 dan sisihan piawai 1.33. Seramai 289 (20.7%) responden sangat bersetuju dan 368 (26.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. 225 (16.1%) responden pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 248 (17.8%) responden pula tidak bersetuju dan 265 (19.0%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 4.2.3(b): Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri psikologi mangsa buli**

(n=1395)

Pernyataan	1	2	3	4	5	min	SP
Seseorang pelajar dibuli kerana	Tidak setuju		TP	setuju			
Keluarganya miskin	268 (19.2%) 38.4%	268 (19.2%)	359 (25.7%)	277 (19.9%) 35.9%	223 (16.0%)	2.94	1.34
Dia disayangi oleh semua guru	165 (11.8%) 26.9%	210 (15.1%)	216 (15.5%)	421 (30.2%) 57.7%	383 (27.5%)	3.46	1.34
Keluarganya kaya	218 (15.6%) 34.3%	261 (18.7%)	421 (30.2%)	292 (20.9%) 35.5%	203 (14.6%)	3.00	1.26
Dia disayangi oleh keluarganya	188 (13.5%) 29.2%	219 (15.7%)	491 (35.2%)	282 (20.2%) 35.6%	215 (15.4%)	3.08	1.22
Dia tidak mempunyai kawan dalam kelas	272 (19.5%) 35.3%	220 (15.8%)	257 (18.4%)	375 (26.9%) 46.3%	271 (19.4%)	3.10	1.40
Dia tidak pernah dimarahi oleh guru	258 (18.5%) 35.8%	242 (17.3%)	232 (16.6%)	363 (26.0%) 47.5%	300 (21.5%)	3.14	1.41
Dia seorang pelajar yang pandai	222 (15.9%) 32.8%	236 (16.9%)	424 (30.4%)	286 (30.4%) 46.7%	227 (16.3%)	3.04	1.28
Dia tidak disukai oleh rakan-rakan dalam kelas	265 (19.0%) 36.8%	248 (17.8%)	225 (16.1%)	368 (26.4%) 47.1%	289 (20.7%)	3.00	1.33

Min keseluruhan = 3.09

sisihan piawai(SP) = 0.71

1=sangat tidak setuju 2= tidak setuju 3=tidak pasti 4=setuju 5= sangat tidak setuju

### 4.3 Persoalan Kajian 4: Apakah Indeks Perlakuan Buli Sekolah?

Jadual 4.3 menunjukkan indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah. Kajian ini mendapati indeks perlakuan buli secara keseluruhan ialah 38.81. Bagi Indeks perlakuan buli sekolah mengikut peringkat persekolahan, didapati indeks perlakuan buli sekolah menengah ialah 38.50 dan indeks perlakuan buli sekolah rendah ialah 39.12. Indeks perlakuan buli sekolah rendah adalah lebih tinggi daripada indeks perlakuan buli sekolah rendah.

Bagi Indeks perlakuan buli sekolah mengikut lokasi sekolah, kawasan bandar dan luar bandar, didapati indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar ialah 37.39 dan indeks perlakuan buli sekolah di kawasan luar bandar ialah 40.06. Indeks perlakuan buli sekolah di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi daripada indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar.

Bagi Indeks perlakuan buli sekolah mengikut jantina pula, didapati indeks perlakuan buli sekolah bagi pelajar lelaki ialah 39.91 dan indeks perlakuan buli sekolah bagi pelajar perempuan ialah 36.79. Indeks perlakuan buli sekolah bagi pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding indeks perlakuan buli sekolah bagi pelajar perempuan.

**Jadual 4.3 Indeks perlakuan Buli sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah**

Perkara		Indeks perlakuan buli	Tahap perlakuan buli
Keseluruhan		38.81	rendah
Peringkat persekolahan	Sekolah Menengah	38.50	rendah
	Sekolah Rendah	39.12	rendah
Lokasi Sekolah	Bandar	37.39	Rendah
	Luar bandar	40.06	sederhana
Jantina	Lelaki	39.91	rendah
	Perempuan	36.79	rendah

#### **4.4 Persoalan Kajian 5: Apakah Tahap perlakuan buli di kalangan Pelajar sekolah berdasarkan indeks perlakuan Buli ?**

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah berdasarkan pengiraan indeks perlakuan buli secara keseluruhannya berada pada tahap rendah ( indeks perlakuan buli secara keseluruhan ialah 38.81).

Jadual 4.4. juga menunjukkan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah berdasarkan pengiraan indeks perlakuan buli mengikut peringkat persekolahan. Didapati indeks perlakuan buli bagi sekolah rendah ialah 39.12 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah rendah adalah pada tahap rendah. Indeks perlakuan buli bagi sekolah menengah ialah 38.50 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah berada pada tahap rendah juga.

Berdasarkan Jadual 4.4, tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah berdasarkan pengiraan indeks perlakuan buli mengikut lokasi sekolah, bandar dan luar bandar, didapati indeks perlakuan buli bagi sekolah di kawasan luar bandar ialah 40.06 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan luar bandar adalah pada tahap sederhana. Indeks perlakuan buli bagi sekolah di kawasan bandar ialah 37.39 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar berada pada tahap rendah. Tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan luar bandar lebih tinggi berbanding tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar.

Berdasarkan Jadual 4.4, tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah berdasarkan pengiraan indeks perlakuan buli mengikut jantina, didapati indeks perlakuan buli bagi pelajar lelaki ialah 39.91 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar lelaki adalah pada tahap rendah. Indeks perlakuan buli bagi pelajar perempuan ialah 36.79 dan ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar perempuan berada pada tahap rendah. Tahap perlakuan buli di kalangan pelajar lelaki adalah tidak berbeza dengan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar perempuan.

## 4.5 Pengujian Hipotesis

Keputusan statistik infrensi bagi kajian ini di kemukakan dalam bahagian ini. Statistik infrensi yang digunakan oleh penyelidik ialah ujian  $-t$  dan korelasi pearson( $r$ ).

Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan hipotesis.

### 4.5.1 Hipotesis 1: **Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Berdasarkan jadual 4.5.1 didapati bagi jenis tingkah laku buli fizikal, nilai  $p = 0.067$ . Dan nilai  $p = 0.067$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 1 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Oleh sebab keputusan ujian  $-t$  menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat negeri yang di kaji.

**Jadual 4.5.1: Analisis Perbezaan tingkah laku buli mengikut peringkat Persekolahan**

		Ujian Levene,s untuk kesetaraan varian		Ujian untuk kesetaraan min			
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Beza Min
Tingkah laku Buli fizikal	Equal variances assumed	3.371	.067	-2.731	1393	.006	-.08143
	Equal variances not assumed			-2.724	1356.7	.007	-.08143
Tingkah laku Buli verbal	Equal variances assumed	.149	.700	-.310	1393	.757	-.00853
	Equal variances not assumed			-.310	1373.3	.757	-.00853
Tingkah laku Buli antisosial	Equal variances assumed	.664	.415	-.770	1393	.441	-.02185
	Equal variances not assumed			-.770	1370.2	.441	-.02185
Tingkah laku Buli (keseluruhan)	Equal variances assumed	2.095	.148	-1.407	1393	.160	-.03727
	Equal variances not assumed			-1.405	1364.3	.160	-.03727

Aras keertian=0.05 (2-tailed)



**4.5.2 Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Bagi jenis tingkah laku buli verbal, nilai  $p = 0.415$ . Dan nilai  $p = 0.415$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 2 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat negeri yang di kaji.

**4.5.3 Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Bagi jenis tingkah laku buli anti sosial, nilai  $p = 0.700$ . Dan nilai  $p = 0.700$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 3 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di empat negeri yang di kaji.

**4.5.4 Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Berdasarkan jadual 4.5.1 didapati bagi jenis tingkah laku buli (keseluruhan), nilai  $p = 0.148$ . Dan nilai  $p = 0.148$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 4 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan

bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat negeri yang di kaji.

**4.5.5 Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar**

Berdasarkan jadual 4.5.2 didapati bagi tingkah laku buli fizikal, nilai  $p = 0.000$ . Dan nilai  $p = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 5 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri yang di kaji.

**Jadual 4.5.2: Analisis Perbezaan tingkah laku buli mengikut lokasi sekolah**

		Ujian Levene,s untuk kesetaraan varian		Ujian untuk kesetaraan min			
		F	Sig.	t	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min
Tingkah laku Bulifizikal	Equal variances assumed	21.494	.000	-6.354	1393	.000	-.1885
	Equal variances not assumed			-6.254	1217.8	.000	-.1885
Tingkah laku Buli verbal	Equal variances assumed	15.222	.000	-5.435	1393	0.000	-.1492
	Equal variances not assumed			-5.435	1222.3	0.000	-.1492
Tingkah laku Buli antisosial	Equal variances assumed	9.248	.002	-3.991	1393	.000	-.1133
	Equal variances not assumed			-3.954	1256.5	.000	-.1133
Tingkah laku Buli	Equal variances assumed	22.129	.000	-5.701	1393	.000	-.15031
(keseluruhan)	Equal variances not assumed			-5.701	1393	.000	-.15031

Aras keertian = 0.05 (2-tailed)

#### **4.5.6 Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar**

Bagi jenis tingkah laku buli verbal, nilai  $p = 0.000$ . Dan nilai  $p = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$  (Jadual 4.5.2), maka hipotesis 6 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa

terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri yang di kaji.

**4.5.7 Hipotesis 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar**

Bagi jenis tingkah laku buli anti sosial, nilai  $p = 0.002$ . Dan nilai  $p = 0.002$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$  (Jadual 4.5.2), maka hipotesis 7 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri yang di kaji.

**4.5.8 Hipotesis 8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar**

Berdasarkan jadual 4.5.2 didapati bagi jenis tingkah laku buli (keseluruhan), nilai  $p = 0.000$ . Dan nilai  $p = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 8 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri yang di kaji.

#### 4.5.9 Hipotesis 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan

Berdasarkan jadual 4.5.3 didapati bagi jenis tingkah laku buli fizikal, nilai  $p = 0.164$ . Dan nilai  $p = 0.164$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 9 diterima dan ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di empat negeri yang di kaji.

**Jadual 4.5.3: Analisis perbezaan tingkah laku buli mengikut jantina**

		Ujian Levene,s untuk kesetaraan varian		Ujian untuk kesetaraan min			
		F	Sig.	t	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min
Jenis Tingkah laku Buli fizikal	Equal variances assumed	1.936	.164	6.992	1393	.000	.2067
	Equal variances not assumed			7.018	1330.3	.000	.2067
Jenis Tingkah laku Buli verbal	Equal variances assumed	12.741	.000	4.333	1393	.000	.1193
	Equal variances not assumed			4.292	1260.937	.000	.1193
Jenis Tingkah laku Buli antisosial	Equal variances assumed	2.814	.094	4.088	1393	.000	.1159
	Equal variances not assumed			4.071	1290.9	.000	.1159
Jenis Tingkah laku Buli (keseluruhan)	Equal variances assumed	3.982	.046	5.588	1393	.000	.14729
	Equal variances not assumed			5.558	1284.9	.000	.14729

Aras keertian = 0.05 (2-tailed)

**4.5.10 Hipotesis 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan**

Bagi jenis tingkah laku buli verbal, nilai  $p = 0.000$ . Dan nilai  $p = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$  (Jadual 4.5.3), maka hipotesis 10 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di empat negeri yang di kaji.

**4.5.11 Hipotesis 11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan**

Bagi jenis tingkah laku buli anti sosial, nilai  $p = 0.094$ . Dan nilai  $p = 0.094$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$  (Jadual 4.5.3), maka hipotesis 11 diteima dan ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di empat negeri yang di kaji.

**4.5.12 Hipotesis 12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan**

Berdasarkan jadual 4.5.3 didapati bagi jenis tingkah laku buli (keseluruhan), nilai  $p = 0.046$ . Dan nilai  $p = 0.046$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 12 ditolak dan ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa terdapat

perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di empat negeri yang di kaji.

#### 4.5.13 Hipotesis 13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah

**Jadual 4.5.4: Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut peringkat persekolahan**

Statistik Kumpulan										
Indeks perlakuan buli	Peringkat Persekolahan	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai min					
	Sekolah Menengah	368	38.496	23.3878	1.2192					
	Sekolah Rendah	366	39.117	23.0632	1.2055					
		F	Sig.	T	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	bawah
Indeks perlakuan buli	Equal variances assumed	.032	.857	-.362	782	.718	-.620	1.7146	-3.986	2.746
	Equal variances not assumed			-.362	731.947	.718	-.620	1.7146	3.986	2.7458

**Aras keertian=0.05 (2-tailed)**

Berdasarkan jadual 4.5.4 didapati, nilai  $p = 0.857$ . Dan nilai  $p = 0.857$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 13 diterima dan ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah rendah dan sekolah menengah. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah di empat negeri yang dikaji.

**4.5.14 Hipotesis 14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan luar bandar**

**Jadual 4.5.5: Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut lokasi sekolah**

Statistik Kumpulan					
Indeks perlakuan buli	Lokasi sekolah	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai min
	Bandar	345	37.39	23.42	1.261
	Luar bandar	389	40.06	22.98	1.165

		F	Sig.	T	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	bawah
Indeks perlakuan buli	Equal variances assumed	1.214	.271	-1.556	732	.120	-2.669	1.7150	-6.0356	.6983
	Equal variances not assumed			-1.554	718.050	.121	-2.669	1.7170	-6.0396	.7023

Aras keertian=0.05 (2-tailed)

Berdasarkan jadual 4.5.5 didapati, nilai  $p = 0.271$ . Dan nilai  $p = 0.271$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 14 diterima dan ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri yang dikaji.



**4.5.15 Hipotesis 15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan pelajar perempuan**

**Jadual 4.5.6: Perbezaan min indeks perlakuan buli mengikut jantina**

Statistik Kumpulan					
Indeks perlakuan buli	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai min
	Lelaki	474	39.909	23.0312	1.05786
	Perempuan	260	36.795	23.4512	1.45439

		F	Sig.	T	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	bawah
Indeks perlakuan buli	Equal variances assumed	.087	.768	1.741	732	.082	3.1137	1.7890	-.3984	6.6258
	Equal variances not assumed			1.731	525.067	.084	3.1137	1.7984	-.4193	6.6467

**Aras keertian=0.05 (2-tailed)**

Berdasarkan jadual 4.5.6 didapati, nilai  $p = 0.768$ . Dan nilai  $p = 0.768$  lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis 15 diterima dan ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Oleh sebab keputusan ujian -t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji.

#### 4.5.16 Hipotesis 16: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli

**Jadual 4.5.7: Hubungan punca buli dengan indeks perlakuan buli**

		Punca buli	Indeks perlakuan buli
Punca buli Indeks perlakuan buli	Korelasi Pearson	1	0.103**
	Sig.(2 tailed)	.	0.005
	Korelasi Pearson	0.103**	1
	Sig.(2 tailed)	0.005	.
	N	1395	734

\*\*signifikan pada aras keertian = 0.01 (2-tailed)

Hasil analisis data, didapati nilai  $p=0.005$  dan nilai  $p=0.005$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha=0.01$ , maka hipotesis 16 ditolak dan ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli. Nilai perkali korelasi pearson ( $r$ ) yang diperolehi ialah 0.103\*\* dan ini bermakna hubungan tersebut sangat lemah. Nilai perkali korelasi,  $r$  positif menunjukkan hubungan antara punca buli dan indeks perlakuan buli adalah hubungan langsung.

#### 4.5 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik telah mengemukakan analisis data kajian yang telah dikumpulkan daripada soal selidik yang telah dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Setiap persoalan kajian dianalisis menggunakan program SPSS. Dalam menganalisis data kajian, penyelidik telah menggunakan dua kaedah statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi memperihalkan jenis tingkah laku buli dan kekerapan, punca kejadian buli dan ciri-ciri mangsa buli. Statistik inferensi seperti ujian-t dan korelasi pearson digunakan dalam pengujian hipotesis. Pengiraan indeks tingkah laku buli sekolah dibuat berdasarkan kaedah yang diguna oleh Arora (1999).

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dan merumuskan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian. Fokus perbincangan adalah berkaitan dengan jenis tingkah laku buli dan kekerapan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah, punca kejadian buli dan ciri-ciri mangsa buli. Indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah, yang didasarkan kepada nilai indeks perlakuan buli sekolah, juga akan di bincang di dalam bab ini. Perbincangan juga akan dilakukan berkaitan dengan hipotesis-hipotesis yang telah dibuat dalam bab satu. Hasil daripada perbincangan dan rumusan ini, penyelidik membuat beberapa cadangan yang difikirkan sesuai dan munasabah serta boleh dilaksanakan oleh penyelidik lain yang berminat untuk membuat kajian berkenaan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah.

#### **5.2 Perbincangan Hasil Dapat Kajian**

##### **5.2.1 Perbincangan Latar Belakang Responden**

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Majoriti responden merupakan pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor iaitu seramai 375 orang (26.9 %), responden dari negeri Melaka seramai 351 orang (25.2 %), responden dari Negeri Sembilan pula seramai 347 orang (24.8 %)

dan responden dari negeri selangor merupakan yang paling sedikit iaitu seramai 323 orang (23.1 %).

Dari segi peringkat persekolahan, majoriti responden adalah pelajar sekolah menengah iaitu seramai 739 orang (53 %) dan responden dari kalangan pelajar sekolah rendah ialah seramai 656 orang (47 %). Responden lelaki merupakan responden teramai iaitu seramai 783 orang (56.1 %) berbanding responden perempuan yang seramai 612 orang (43.9 %). Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden terdiri daripada pelajar sekolah kawasan bandar iaitu seramai 787 orang (56.4 %) manakala responden daripada pelajar sekolah kawasan luar bandar pula adalah seramai 608 orang (43.6 %).

Dari segi kaum pula, responden berketurunan Melayu merupakan responden yang paling ramai, iaitu seramai 955 orang (68.5 %) manakala responden berketurunan Cina seramai 344 orang (24.7 %) dan responden berketurunan India seramai 94 orang (6.7 %). Lain-lain keturunan pula adalah seramai 2 orang (0.1 peratus) dan merupakan responden yang paling kecil bilangannya.

Hasil daripada kajian juga menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar berumur 12 tahun iaitu seramai 479 orang (34.3 %), diikuti responden berumur 14 tahun seramai 201 orang (14.4 %), responden berumur 13 tahun seramai 195 orang (13.8 %), responden berumur 11 tahun seramai 165 orang (11.8 %), responden berumur 17 tahun seramai 138 orang (9.9 %), responden berumur 16 tahun seramai 129 orang (9.2 %), responden berumur 15 tahun seramai 78 orang (5.6 %) dan paling sedikit responden berumur 10 tahun seramai 12 orang (0.9%). Min umur responden kajian ini adalah 13.32 tahun dan min umur responden 13.32 tahun bersamaan dengan umur pelajar yang berada pada tingkatan satu di sekolah menengah di Malaysia.

Dari segi tahap penglibatan responden dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah pula dilihat dari segi tahap penglibatan mereka dalam empat bidang iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan, kesenian dan kebudayaan, serta pasukan beruniform. Seramai 232 orang (16.6 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti sukan dan permainan. Seramai 838 orang (60.1 %) responden pula

mengaku aktif dalam aktiviti sukan dan permainan, dan seramai 325 orang (23.3 %) responden pula adalah tidak aktif. Seramai 149 orang (10.6 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti kelab dan persatuan. Seramai 983 orang (70.5 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti kelab dan permainan, dan seramai 263 orang (18.9 %) responden pula adalah tidak aktif. Seramai 122 orang (8.7 %) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Seramai 565 orang (40.5 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan, dan seramai 708 orang (50.8 %) responden pula adalah tidak aktif. Seramai 259 orang (18.6%) responden melaporkan mereka sangat aktif dalam aktiviti pasukan beruniform. Seramai 817 orang (58.6 %) responden pula mengaku aktif dalam aktiviti pasukan beruniform, dan seramai 339 orang (22.9 %) responden pula adalah tidak aktif.

Tahap penglibatan yang sangat aktif dicatatkan dalam bidang pasukan beruniform iaitu sebanyak 18.6 peratus, diikuti bidang sukan dan permainan iaitu sebanyak 16.6 peratus, kemudian bidang kelab dan kebudayaan sebanyak 10.6 peratus dan tahap penglibatan sangat aktif paling kecil ialah dalam bidang kesenian dan kebudayaan iaitu sebanyak 8.7 peratus.

### **5.2.2 Perbincangan dapatan kajian jenis tingkah laku buli yang kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Jenis tingkah laku buli yang paling kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat buah negeri yang dikaji iaitu di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor ialah jenis tingkah laku buli fizikal. Tingkah laku buli fizikal mencatatkan min skor tertinggi iaitu 1.85 dan sisihan piawai 0.55. Jenis tingkah laku buli kedua kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah ialah tingkah laku buli verbal dengan mencatat min skor 1.81 dan sisihan piawai 0.51. Perbezaan min skor antara dua jenis tingkah laku buli fizikal dan verbal adalah kecil. Ini bermakna kekerapan dua jenis tingkah laku buli fizikal dan verbal terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah adalah agak sama. Tingkah laku buli antisosial pula adalah tingkah laku buli mempunyai kekerapan yang rendah

di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di empat buah negeri di kaji dengan min skor 1.74 dan sisihan piawai 0.52.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Borg (1999) yang mendapati perlakuan buli fizikal adalah yang paling popular dan kerap terjadi di kalangan pelajar dan kajian oleh Hazler et al (2001) yang mendapati tingkah laku buli fizikal lebih ketara di kalangan pelajar sekolah berbanding tingkah laku buli verbal. Juga, dapatan kajian ini selari dengan kajian Ireland (2002) yang mendapati remaja lebih signifikan terlibat dalam perlakuan buli secara fizikal.

Walaupun begitu dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Abdul Latif (2005) yang melaporkan jenis tingkah laku buli verbal adalah jenis perlakuan buli yang paling kerap berlaku di kalangan pelajar sekolah di daerah Batu Pahat Johor. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian oleh Boulton, Trumen dan Flemington (2002) yang mendapati serangan verbal adalah jenis tingkah laku buli yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah.

Kajian ini juga mendapati pelajar lelaki lebih kerap terlibat dalam tingkah laku buli fizikal (min = 1.94 dan sisihan piawai 0.55) , verbal (min = 1.86 dan sisihan piawai 0.49) dan antisosial (min = 1.79 dan sisihan piawai 0.51) berbanding pelajar perempuan. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Olweus (1993b) yang mendapati tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki lebih kerap berlaku berbanding pelajar perempuan dan juga kajian oleh Hoover, Oliver dan Thomson (1993) yang mendapati perlakuan buli lebih cenderung berlaku di kalangan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Walaupun begitu kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Zindi (1994) yang mendapati gangguan verbal merupakan bentuk perlakuan buli yang paling biasa di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Kajian ini juga mendapati pelajar sekolah rendah lebih kerap terlibat dalam tingkah laku buli fizikal (min = 1.89 dan sisihan piawai 0.56) , verbal (min = 1.81 dan sisihan piawai 0.51) dan antisosial (min = 1.75 dan sisihan piawai 0.53) berbanding pelajar sekolah menengah. Dapatan ini disokong oleh kajian Olweus (1994) yang mendapati perlakuan buli kerap berlaku di kalangan pelajar yang lebih muda usia mereka.

Perbuatan mengusik pelajar lain (min = 2.24 dan sisihan piawai 0.87) merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di empat buah negeri yang dikaji. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian Latif (2005) yang mendapati perbuatan menolak pelajar lain merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap terjadi di kalangan pelajar di daerah Batu Pahat Johor. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian oleh Borg (1999) yang mendapati perbuatan memukul pelajar lain adalah tingkah laku buli fizikal yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah. Sedangkan kajian ini mendapati perbuatan menolak pelajar lain (min = 2.04 dan sisihan piawai 0.876) adalah tingkah laku buli fizikal yang ketiga kerap dilaporkan di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di empat negeri yang dikaji.

Kajian ini juga mendapati perbuatan mengambil barang kepunyaan pelajar lain atau mencuri (min = 2.16 dan sisihan piawai 0.87) merupakan tingkah laku buli fizikal yang kedua popular di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Dapatan ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Boulton, Trumen dan Flemington (2002) iaitu mencuri merupakan tingkah laku buli yang paling kurang dilaporkan oleh para pelajar sekolah.

Tingkah laku atau perbuatan memanggil nama pelajar lain dengan nama yang mereka tidak suka (min = 2.23 dan sisihan piawai 0.90) merupakan tingkah laku buli verbal yang paling banyak dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Abdul Latif (2005) berkaitan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah di daerah Batu Pahat, Johor yang melaporkan panggilan nama merupakan perlakuan buli verbal yang paling kerap terjadi di kalangan pelajar tersebut. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Smith dan Sharp (1994) yang melaporkan panggilan nama merupakan perlakuan buli verbal yang paling kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah di United Kingdom. Juga, dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Dawkins (1995) yang mendapati perbuatan mencemuh dan panggilan nama paling popular dilaporkan oleh pelajar sekolah di Australia.

Perbuatan membohongi pelajar lain (min = 2.19 dan sisihan piawai = 0.87) merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan rendah di empat negeri yang di kaji. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Espelage et al (2000) iaitu perbuatan menyebarkan gosip atau berita palsu kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah terutama di kalangan pelajar perempuan.

### **5.2.3 Perbincangan dapatan kajian mengenai punca-punca tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Dapatan kajian ini berkenaan punca tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah menunjukkan faktor individu (min skor = 3.14 dan sisihan piawai 0.70) merupakan punca kejadian buli yang paling dominan berbanding faktor sekolah (min skor = 2.91 dan sisihan piawai 0.69) dan faktor keluarga (min skor = 2.75 dan sisihan piawai 0.70). Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Espelage et al (2000) dan kajian Verlinden, Herson dan Thomas (2000) yang mendapati faktor-faktor pencampuran individu, sosial dan persekitaran berinteraksi untuk menentukan etiologi perlakuan buli.

Dari segi faktor individu, membalas dendam (min = 3.61 dan sisihan piawai 1.37) merupakan punca tingkah laku buli yang paling utama di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat negeri yang dikaji. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Verlinden, Herson dan Thomas (2000) yang menunjukkan bahawa pembuli membuli dengan tujuan untuk membalas dendam. Selain daripada membalas dendam kajian ini juga mendapati keinginan untuk menunjukkan kekuatan diri (min = 3.41 dan sisihan piawai 1.44), mempunyai fizikal badan yang lebih besar (min = 3.36 dan sisihan piawai 1.39), untuk mendapatkan wang (min = 3.33 dan sisihan piawai 1.38) dan mencari keseronokkan (min = 3.32 dan sisihan piawai 1.37) juga merupakan punca-punca tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian oleh Salmivalli et al (1996) yang menyatakan tingkah laku buli berpunca daripada keinginan untuk menunjukkan kekuatan, mencari keseronokkan dan memperoleh kuasa, populariti dan status di kalangan rakan sebaya.



Dari segi faktor sekolah pula, tindakan guru yang kerap memarahi pelajar (min = 3.26 dan sisihan piawai 1.41) didapati merupakan salah satu punca tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Goleman (1995) yang mendapati penggunaan kekerasan dan tindakan yang keterlaluan dalam usaha mendisiplinkan pelajar oleh guru secara tidak langsung akan menggalakkan perlakuan buli di kalangan pelajar. Semua rakan di sekolah suka membuli pelajar lain (min = 3.21 dan sisihan piawai 1.48 ) dan tidak minat belajar (min = 3.13 dan sisihan piawai 1.32) juga merupakan punca tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah.

#### **5.2.4 Perbincangan dapatan kajian ciri-ciri mangsa buli**

Kajian ini mendapati mangsa buli ialah pelajar yang usianya lebih muda (min = 3.48 dan sisihan piawai 1.28 ) berbanding dengan pembuli, pendiam (min = 3.12 dan sisihan piawai 1.42), mempunyai fizikal tubuh badan yang kecil (min = 3.10 dan sisihan piawai 1.35 ) dan seorang yang tidak suka bersukan (min = 3.31 dan sisihan piawai 1.45 ). Dapatan ini disokong oleh kajian Demaray et al (2003) yang mendapati mangsa buli mempunyai fizikal yang lemah, lebih kecil dan lebih muda berbanding dengan pembuli. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Nesbitt (1999) yang merumuskan pelajar yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang lemah seperti pemalu, pasif dan tidak bermaya berpotensi untuk menjadi mangsa buli. Juga disokong oleh dapatan kajian Nansel et al (2001) iaitu kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu.

Kajian ini juga mendapati mangsa buli ialah seorang yang sombong (min = 3.14 dan sisihan piawai 1.33) dan membawa duit yang banyak ke sekolah (min = 3.17 dan sisihan piawai 1.28 ). Dapatan ini selari dengan kajian Olweus (1993) dan Matusova (1997) yang mendapati kelakuan mangsa buli secara langsung akan mengumpun atau menarik perhatian pembuli untuk membuli mereka.

Kajian ini juga mendapati mangsa buli merupakan seorang pelajar yang disayangi oleh guru (min = 3.46 dan sisihan piawai 1.34) dan keluarga (min = 3.08 dan sisihan piawai 1.22) serta tidak pernah dimarahi oleh guru (min = 3.14 dan sisihan piawai 1.41). Mangsa buli juga merupakan seorang yang tidak mempunyai kawan dalam kelas (min = 3.11 dan sisihan piawai 1.40). Dapatan ini adalah disokong oleh dapatan kajian Seppa (1996) yang mendapati mangsa buli merupakan seorang yang mempunyai sikap suka menyendiri dan tidak mempunyai rakan untuk melindungi atau berkongsi masalah.

#### **5.2.5 Perbincangan dapatan kajian indeks perlakuan buli sekolah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah**

Indeks perlakuan buli sekolah secara keseluruhan ialah 38.81. Berdasarkan kepada nilai indeks perlakuan buli sekolah iaitu 38.81, didapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di empat buah negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor secara keseluruhan berada pada tahap rendah. Dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan kajian Abdul Latif (2005) yang mendapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor juga berada pada tahap sederhana (min= 1.41 dan sisihan piawai 0.91). Dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap perlakuan buli berada pada tahap rendah adalah jauh lebih rendah daripada apa yang dilaporkan oleh kajian Smith dan Sharp (1994) yang mendapati empat peratus daripada daripada pelajar yang terlibat dalam kajiannya di United Kingdom melaporkan mereka telah dibuli sekurang-kurangnya 1 kali seminggu.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pengiraan indeks perlakuan buli sekolah sebagai kaedah bagi mengukur tahap buli di kalangan pelajar sekolah berbanding kajian Abdul Latif (2005) yang menggunakan statistik min bagi mengukur tahap buli di kalangan pelajar sekolah.

Kajian ini juga mendapati nilai indeks perlakuan buli bagi sekolah rendah ialah 39.12 dan lebih tinggi berbanding nilai indeks perlakuan buli bagi sekolah menengah iaitu 38.50. Berdasarkan nilai indeks perlakuan buli sekolah ini, penyelidik dapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah rendah adalah berada pada tahap rendah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah adalah berada pada tahap rendah juga.. Walaupun begitu dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian oleh Thompson (2002) dan Rigby (1997) yang menunjukkan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah rendah lebih rendah berbanding tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah.

Kajian ini juga mendapati nilai indeks perlakuan buli bagi sekolah menengah dan rendah di kawasan bandar ialah 37.39 dan lebih rendah berbanding nilai indeks perlakuan buli bagi sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar iaitu 40.06. Berdasarkan nilai indeks perlakuan buli sekolah ini, penyelidik dapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar adalah berada pada tahap rendah dan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar adalah berada pada tahap rendah. Ini bermakna tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar.

Kajian ini juga mendapati nilai indeks perlakuan buli bagi pelajar lelaki ialah 39.91 dan lebih tinggi berbanding nilai indeks perlakuan buli bagi pelajar perempuan iaitu 36.79. Berdasarkan nilai indeks perlakuan buli sekolah ini, penyelidik dapati tahap perlakuan buli di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah berada pada tahap rendah.

### **5.2.6 Perbincangan dapatan kajian perbezaan tingkah laku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan), indeks perlakuan buli sekolah dan hubungan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli sekolah**

Bagi melihat perbezaan antara tingkah laku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian  $-t$ . Terdapat empat hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p=0.067$ ). Ini bermakna hipotesis 1 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah tidak mempunyai perbezaan dengan tingkah laku fizikal buli di kalangan pelajar sekolah rendah di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p=0.415$ ). Ini bermakna hipotesis 2 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah tidak mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah rendah di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli

antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p=0.700$ ). Ini bermakna hipotesis 3 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah tidak mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah rendah di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah ( $p=0.148$ ). Ini bermakna hipotesis 4 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah tidak mempunyai perbezaan dengan jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah rendah di empat negeri yang dikaji.

Bagi melihat perbezaan antara tingkah laku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian  $-t$ . Terdapat empat hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar ( $p=0.000$ ). Ini bermakna hipotesis 5 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar ( $p=0.000$ ). Ini bermakna hipotesis 6 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar ( $p=0.002$ ). Ini bermakna hipotesis 7 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah di kawasan bandar dan luar bandar ( $p=0.000$ ). Ini bermakna hipotesis 8 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar bandar di empat negeri yang dikaji.

Bagi melihat perbezaan antara jenis tingkah laku buli (fizikal, verbal, antisosial dan keseluruhan) di kalangan pelajar lelaki dan perempuan, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian  $-t$ . Terdapat empat hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan ( $p=0.164$ ). Ini bermakna hipotesis 9 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian- $t$ . Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar sekolah lelaki tidak mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan ( $p=0.000$ ). Ini bermakna hipotesis 10 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian- $t$ . Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar sekolah lelaki adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli verbal di kalangan pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar lelaki dan perempuan ( $p=0.094$ ). Ini bermakna hipotesis 11 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian- $t$ . Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar sekolah lelaki

tidak mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli antisosial di kalangan pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji.

Hipotesis 12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan perempuan ( $p=0.046$ ). Ini bermakna hipotesis 12 ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki adalah mempunyai perbezaan dengan tingkah laku buli di kalangan pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Olweus (1991) yang menunjukkan terdapat perbezaan antara jenis tingkah laku buli yang terjadi di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pelajar lelaki lebih ganas dalam perlakuan buli berbanding dengan pelajar perempuan. Dapatan kajian ini juga di sokong oleh kajian Bjorqvist dan Peltonen (1988) yang menunjukkan remaja perempuan lazimnya menggunakan kaedah buli secara tidak langsung berbanding remaja lelaki yang lebih cenderung menggunakan kaedah buli fizikal atau langsung.

Bagi melihat perbezaan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian -t. Terdapat satu hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p=0.857$ ). Ini bermakna hipotesis 13 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian-t. Ini menunjukkan bahawa indeks perlakuan buli sekolah menengah tidak mempunyai perbezaan dengan indeks perlakuan buli sekolah rendah di empat negeri yang dikaji. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian oleh Arora (1999) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks tingkah laku buli



sekolah menengah dan sekolah rendah. Indeks tingkah laku buli sekolah rendah lebih tinggi daripada sekolah menengah.

Bagi melihat perbezaan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan sekolah di kawasan luar bandar, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian  $-t$ . Terdapat satu hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar dan sekolah di kawasan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p = 0.271$ ). Ini bermakna hipotesis 14 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian- $t$ . Ini menunjukkan bahawa indeks perlakuan buli sekolah di kawasan bandar tidak mempunyai perbezaan dengan indeks perlakuan buli sekolah di kawasan luar bandar di empat negeri yang dikaji.

Bagi melihat perbezaan antara indeks perlakuan buli sekolah pelajar lelaki dan pelajar perempuan, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian  $-t$ . Terdapat satu hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara indeks perlakuan buli sekolah menengah dan sekolah rendah ( $p=0.768$ ). Ini bermakna hipotesis 15 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian- $t$ . Ini menunjukkan bahawa indeks perlakuan buli pelajar lelaki tidak mempunyai perbezaan dengan indeks perlakuan buli pelajar perempuan di empat negeri yang dikaji. Dapatan kajian ini adalah disokong oleh dapatan kajian oleh Salmivali (2001) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan perlakuan buli antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dapatan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan

kajian Boulton, Trueman dan Flemington (2002) yang menyatakan tidak wujud perbezaan jantina yang signifikan berkaitan kekerapan perlakuan buli. Dapatan Kajian terdahulu oleh Latif (2005) di daerah Batu Pahat, juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kekerapan perlakuan buli pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Bagi melihat hubungan antara punca buli dengan indeks perlakuan buli sekolah, penyelidik telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah korelasi pearson. Terdapat satu hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Hipotesis 16: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dan indeks perlakuan buli sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara punca buli dan indeks tingkah laku buli sekolah ( $p=0.005$ ,  $r = 0.103$ ). Ini bermakna hipotesis 16 ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan berdasarkan statistik korelasi pearson. Ini menunjukkan bahawa wujud hubungan antara punca buli dan indeks perlakuan buli sekolah. Hasil analisis data menunjukkan nilai pekali korelasi adalah  $r = 0.103$ . Nilai pekali tersebut memberi maksud bahawa terdapat hubungan positif yang sangat lemah antara punca buli dan indeks perlakuan buli sekolah. Nilai pekali korelasi yang positif pula, ianya menunjukkan bahawa terdapat perhubungan langsung diantara kedua-dua pembolehubah tersebut. Ini bermakna semakin banyak punca buli di sesuatu sekolah, maka nilai indeks perlakuan buli di sekolah tersebut semakin tinggi.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Borg (1999) yang mendapati tidak ada hubungan signifikan antara kedapatan punca buli dengan peningkatan kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah.

### 5.3 Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapatlah dirumuskan bahawa jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor ialah jenis tingkah laku buli fizikal dan verbal. Tingkah laku buli antisosial kurang kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Tingkah laku mengusik, mengambil barang kepunyaan orang lain, menolak dan menarik baju adalah tingkah laku fizikal yang kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Panggilan nama dengan nama atau gelaran yang tidak disukai oleh pelajar lain merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Walaupun begitu, kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis tingkah laku buli di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Punca kejadian buli yang paling dominan berdasarkan kepada persepsi pelajar ialah faktor individu iaitu bertujuan untuk membalas dendam, untuk menunjukkan dirinya seorang yang gagah dan kuat, bertujuan memperoleh wang dan mencari keseronokan. Tindakan guru yang selalu memarahi pelajar juga merupakan satu punca bagi kejadian buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah. Faktor sekolah dan keluarga bukanlah satu punca yang dominan bagi kejadian buli.

Kajian ini mendapati ciri-ciri mangsa buli ialah seorang yang mempunyai fizikal yang lemah, tubuh badan yang kecil, tidak suka bersukan, tidak mempunyai kawan, pendiam, seorang yang disayangi oleh guru dan keluarga serta mempunyai usia yang lebih muda daripada pembuli.

